# AKTA PATEN 1983
## (Akta 291)

SUSUNAN SEKSYEN-SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

*Seksyen*

1. Tajuk ringkas, mula berkuatkuasa dan pemakaian.
2. Takat pemakaian.
3. Tafsiran.

BAHAGIAN II

LEMBAGA PATEN

4. Penubuhan dan keanggotaan Lembaga Paten.
5. Perlantikan anggota silih ganti Lembaga.
6. Saraan bagi anggota.
7. Jadual terpakai bagi Lembaga dan anggota-anggota.
7A. Perlindungan berkenaan dengan tindakan yang dilakukan dalam melaksanakan Akta.

BAHAGIAN III

PENTADBIRAN

8. Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan Penolong Pendaftar.
9. Pejabat Pendaftaran Paten.
10. Perkhidmatan maklumat paten.

BAHAGIAN IV

KEBOLEHPATENAN

11. Rekacipta yang boleh dipaten.
12. Erti "rekacipta".

*Seksyen*

13. Rekacipta yang tak boleh dipaten.

14. Kebaharuan.

15. Langkah merekacipta.

16. Pemakaian perindustrian.

BAHAGIAN IVA

PERBAHARUAN UTILITI

17. Takrif.

17A. Pemakaian.

17B. Penukaran daripada permohonan bagi mendapatkan paten menjadi permohonan bagi mendapatkan perakuan bagi perbaharuan utiliti, dan sebaliknya.

17C. Paten dan perakuan bagi perbaharuan utiliti tidak boleh diberikan kedua-duanya sekali bagi rekacipta yang sama.

BAHAGIAN V

HAK-HAK KEPADA SUATU PATEN

18. Hak kepada suatu paten.

19. Penyerahhakan kehakiman akan permohonan paten atau paten.

20. Rekacipta yang dibuat oleh seorang pekerja atau menurut suatu tauliah.

21. Rekacipta oleh pekerja Kerajaan.

22. Pemunya-pemunya bersama.

## BAHAGIAN VI

## PERMOHONAN, PROSEDUR BAGI PEMBERIAN DAN JANGKA MASA

23. Kehendak-kehendak permohonan.

23A. Permohonan-permohonan oleh pemastautin-pemastautin hendaklah difailkan di Malaysia dahulu.

24. Fee permohonan.

25. Penarikan balik permohonan.

26. Penyatuan rekacipta.

26A. Pindaan permohonan.

26B. Pembahagian permohonan.

27. Hak prioriti.

27A. Tarikh prioriti.

*Seksyen*

28. Tarikh pemfailan.

29. Pemeriksaan permulaan.

29A. Permintaan bagi pemeriksaan substantif atau pemeriksaan substantif yang diubahsuaikan.

30. Pemeriksaan substantif dan pemeriksaan substantif yang diubahsuaikan.

30A. Larangan menyiarkan maklumat yang mungkin mudarat kepada negara.

31. Pemberian paten.

32. Daftar paten.

32A. Notis mengenai amanah tidak boleh didaftarkan.

33. Pemeriksaan Daftar dan salinan diperakui.

33A. Salinan diperakui atau cabutan diperakui daripada Daftar, dsb. boleh diterima sebagai keterangan dalam mahkamah.

33B. Pindaan-pindaan kepada Daftar.

33c. Mahkamah boleh memerintahkan supaya Daftar dibetulkan.

34. Pemeriksaan fail.

35. Jangka masa bagi paten.

35A. Penghidupan semula paten yang luput.

## BAHAGIAN VII

## HAK-HAK PEMUNYA PATEN

36. Hak-hak pemunya paten.

37. Pembatasan hak-hak.

38. Hak-hak yang diperolehi daripada pengilangan atau penggunaan terdahulu.

## BAHAGIAN VIII

## PENYERAHHAKAN DAN PERPINDAHAN PERMOHONAN PATEN DAN PATEN

39. Penyerahhakan dan perpindahan permohonan paten dan paten.

40. Keempunyaan bersama permohonan paten atau paten.

## BAHAGIAN IX

## KONTRAK LESEN

41. Erti kontrak lesen.

42. Catatan dalam Daftar.

43. Hak-hak pemegang lesen.

*Section*

44. Hak-hak pemberi lesen.

45. Fasal-fasal taksah dalam kontrak lesen.

46. Kesan permohonan paten yang tidak diberi atau paten yang diisytiharkan tak sah.

47. Tamat, penamatan atau ketaksahan kontrak lesen.

BAHAGIAN X

LESEN-LESEN WAJIB

48. Takrif.
49. Permohonan bagi lesen wajib.
49A. Permohonan bagi lesen wajib berdasarkan paten saling berkait.
50. Permintaan untuk pemberian lesen wajib.
51. Keputusan oleh Lembaga.
52. Skop bagi lesen wajib.
53. Pembatalan lesen wajib.
54. Pindaan, pembatalan dan penyerahan lesen wajib.

BAHAGIAN XI

PENYERAHAN DAN PENTAKSAHAN PATEN

55. Penyerahan paten.
56. Pembatalan paten.
57. Tarikh dan kuatkuasa pembatalan.

BAHAGIAN XII

LANGGARAN

58. Akta disifatkan dilanggari.
58A. Tindakan yang disifatkan bukan langgaran.
59. Prosiding langgaran.
60. Injunksi dan award ganti rugi.
61. Prosiding langgaran oleh pemegang lesen dan benefisiari bagi lesen wajib.
62. Perisytiharan tanpa langgaran.
62A. Permohonan-permohonan berlanggaran dengan seksyen 23A. 62B. Penyiaran maklumat berlanggaran dengan arahan-arahan Pendaftar.

BAHAGIAN XIII

KESALAHAN-KESALAHAN

*Seksyen*

63. Pemalsuan Daftar, dsb.

64. Tuntutan paten yang tak dibenarkan.

65. Tuntutan tanpa kebenaran bahawa paten telah dipohon.

66. Salahguna titel "Pejabat Pendaftaran Paten".

66A. Orang-orang tak berdaftar menjalankan amalan dsb., sebagai ejen paten.

67. Kesalahan oleh perbadanan.

BAHAGIAN XIV

KUASA-KUASA BERHUBUNGAN DENGAN PENGUATKUASAAN

68. Pemberian kuasa pegawai untuk menjalankan kuasa di bawah Bahagian ini.

69. Kuasa untuk menangkap.

70. Penggeledahan dengan waran.

71. Senarai barang-barang yang disita.

72. Pengembalian barang-barang yang disita.

73. Kuasa bagi penyiasatan.

74. Pemeriksaan saksi-saksi.

75. Penerimaan pernyataan dalam keterangan.

76. Halangan untuk menggeledah, dsb.

77. Perjalanan pendakwaan.

78. Bidang kuasa Mahkamah rendah.

BAHAGIAN XV

PELBAGAI

79. Kuasa Pendaftar untuk meminda permohonan paten.

79A. Kuasa Pendaftar untuk meminda paten.

80. Kuasa-kuasa lain Pendaftar.

81. Penjalanan kuasa budi bicara.

82. Perlanjutan masa.

83. Perlanjutan masa oleh sebab kesalahan di Pejabat Pendaftaran Paten.

83A. Perakuan oleh Pendaftar.

***Section***

84. Hak-hak Kerajaan.

85. Keengganan Pendaftar memberi paten.

86. Ejen paten.

87. Peraturan-peraturan.

88. Rayuan.

89. Peruntukan-peruntukan pemansuhan dan kecualian.

90. Peralihan.

JADUAL.

# AKTA PATEN 1983

## (Akta 291)

Suatu Akta bagi membuat peruntukan yang lebih baik dalam undang-undang berhubungan dengan paten dan bagi perkaraperkara lain yang berkaitan dengannya.

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

## BAHAGIAN I

## PERMULAAN

**1. Tajuk ringkas**, **mula berkuatkuasa dan pemakaian.**

(1) Akta ini bolehlah dinamakan **Akta Paten 1983** dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta.*

(2) Akta ini terpakai di seluruh Malaysia.

**2. Takat pemakaian.**

Akta ini terpakai bagi permohonan paten yang dibuat selepas mula berkuatkuasanya Akta ini dan bagi pendaftaran paten yang dibuat atas permohonan itu.

**3. Tafsiran.**

Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain

"Daftar" ertinya Daftar Paten dan Daftar bagi Perakuan *(Pied.* Akta Pembaharuan Utiliti yang disimpan di bawah Akta ini; *A6481*

***[Mas. Akta** A8631* "ditetapkan" ertinya ditetapkan melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;

"hak", berhubungan dengan sesuatu permohonan paten atau paten, termasuklah suatu kepentingan dalam permohonan paten atau paten dan, tanpa menj ej askan perkara di atas, apa-apa sebutan mengenai sesuatu hak dalam suatu paten termasuklah sebutan mengenai suatu syer dalam paten itu;

*[Mas.* Akta *A8631* "keluaran" ertinya apa-apa benda yang terdapat dalam bentuk ketara, dan termasuklah apa-apa radas, artikel, peranti, kelengkapan, kraftangan, alat, mesin, bahan dan komposisi;

"keluaran yang dipaten" ertinya sesuatu keluaran yang adalah rekacipta yang dipaten atau, berhubungan dengan suatu proses yang dipaten, sesuatu keluaran yang diperolehi secara langsung mengikut cara proses itu atau yang kepadanya proses itu telah dipakai;

"Lembaga" ertinya Lembaga Paten yang ditubuhkan di bawah Akta ini;

"Mahkamah" ertinya Mahkamah Tinggi, atau Hakim Mahkamah Tinggi;

"majikan", berhubungan dengan seseorang pekerja, ertinya orang yang oleh siapa pekerja itu sedang atau telah diambil bekerja;

*[Akta A863]* "Menteri" - *(Dipotong).*

"pegawai yang berkuasa" ertinya seseorang pegawai yang diberi kuasa di bawah - seksyen 68;

"pekerja" ertinya seseorang yang bekerja atau yang telah bekerja di bawah suatu kontrak pekerjaan, atau yang sedang bekerja di bawah, atau bagi maksud-maksud, mana-mana individu atau organisasi;

"Pemeriksa" ertinya mana-mana orang, jabatan kerajaan, unit, organisasi, atau mana-mana pejabat atau organisasi paten asing atau antarabangsa, yang dilantik oleh Lembaga yang kepadanya Pendaftar boleh merujukkan masalah-masalah mengenai paten:

"pemunya paten" atau "pemunya sesuatu paten" atau "pemunya suatu paten" ertinya orang yang pada masa ini direkodkan dalam Daftar sebagai penerima pemberian sesuatu paten; *[Mas. Akta A863]*

"Pendaftar" ertinya Pendaftar Paten; *(Pied. Akta* A863]

"proses" termasuklah suatu seni atau kaedah; *[Mas. AktaA863]*

"rekacipta yang dipaten" ertinya sesuatu rekacipta yang bagi nya sesuatu paten diberi dan "proses yang dipaten" hendaklah ditafsirkan sewajarnya;

"tarikh pemfailan" ertinya tarikh yang direkodkan dalam Daftar sebagai tarikh pemfailan di bawah seksyen 28; *[Mas. AktaA863]*

"tarikh prioriti" ertinya tarikh yang ditetapkan dalam seksyen 27A.

## BAHAGIAN II

## LEMBAGA PATEN

**4. Penubuhan dan keanggotaan Lembaga Paten.**

(1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu Lembaga Paten yang hendaklah menjadi suatu pertubuhan perbadanan yang kekal turun-temurun dan mempunyai meterai biasa dan yang boleh mendakwa dan didakwa dan yang fungsi-fungsinya adalah *[Gan. Akta* A648]

(a) untuk mengeluarkan perakuan-perakuan perbaharuan utiliti;

(b) untuk menimbangkan permohonan-permohonan bagi lesen wajib di bawah subseksyen (2) seksyen 51;

(c) untuk melantik Pemeriksa-Pemeriksa; dan

(d) untuk menasihatkan Menteri secara amnya atas perkara-perkara yang berhubungan dengan Akta ini.

1(A) Lembaga boleh mewakilkan mana-mana fungsinya di bawah perenggan *(a)* dan *(b)* subseksyen (1) kepada mana-mana orang yang difikirkannya patut.

(2) Lembaga hendaklah terdiri daripada anggota-anggota yang berikut:

(a) Ketua Setiausaha Kementerian yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi harta perindustrian, yang hendaklah menjadi Pengerusi;

(b) seorang Timbalan Pengerusi, yang hendaklah dilantik oleh Menteri daripada kalangan orang yang, pada pendapat Menteri, oleh sebab pengetahuan dan pengalaman mereka akan dapat memberikan perkhidmatan yang substantial dalam membangunkan harta perindustrian;

(c) seorang wakil Kementerian yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi harta perindustrian, yang hendaklah dilantik oleh Ketua Setiausaha Kementerian itu;

(d) seorang wakil Kementerian yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi industri, yang hendaklah dilantik oleh Ketua Setiausaha Kementerian itu;

(e) seorang wakil Kementerian yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi sains dan teknologi, yang hendaklah dilantik oleh Ketua Setiausaha Kementerian itu;

(f) seorang wakil Majlis Saintifik Kebangsaan bagi Penyelidikan dan Pembangunan, yang hendaklah dilantik oleh Majlis itu;

(g) seorang wakil institut-institut penyelidikan, yang hendaklah dilantik oleh Menteri;

(h) seorang wakil institusi-institusi pengajian tinggi, yang hendaklah dilantik oleh Menteri; dan

(i) tidak lebih daripada tiga orang lain yang difikirkan oleh Menteri layak dan patut menjadi anggota Lembaga, yang hendaklah dilantik oleh Menteri.



(3) Mana-mana anggota Lembaga, yang dilantik di bawah perenggan (g), (h) atau (i) subseksyen (2) hendaklah, melainkan jika perlantikannya dibatalkan terlebih dahulu atau dia

meletakkan jawatannya terlebih dahulu, memegang jawatan bagi suatu tempoh yang tidak melebihi dua tahun sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri dan adalah layak untuk dilantik semula.

**5. Perlantikan anggota silih ganti Lembaga.**

(1) Berkenaan dengan tiap-tiap seorang anggota Lembaga, yang dilantik di bawah *[Pind. Akta* A863] perenggan (g), (h) atau (i) subseksyen (2) seksyen 4, Menteri boleh melantik seorang lain yang mewakili kepentingan yang sama seperti anggota itu untuk menjadi anggota silih ganti anggota itu dan anggota silih ganti itu boleh menghadiri mesyuarat-mesyuarat Lembaga bagi menggantikan anggota itu jika anggota itu tidak dapat hadir kerana sesuatu sebab.

(1A) Seorang lain daripada Kementerian atau badan yang sama seperti anggota yang dilantik *[Mas.* Akta *A863]* di bawah perenggan (c), *(d),* (e) atau *(f)* subseksyen (2) seksyen 4 boleh dilantik oleh masing-masing pihak berkuasa perlantikan yang tersebut dalam perenggan-perenggan itu untuk menjadi anggota silih ganti bagi anggota itu dan anggota silih ganti itu boleh menghadiri mesyuarat-mesyuarat Lembaga sebagai ganti anggota itu jika anggota itu tidak dapat hadir kerana apa-apa sebab.

(2) Apabila menghadiri suatu mesyuarat Lembaga semasa anggota yang baginya dia dilantik sebagai seorang anggota silih ganti itu tidak hadir, seseorang anggota silih ganti hendaklah bagi segala maksud dianggap sebagai anggota Lembaga.

(3) Seorang anggota silih ganti, melainkan jika perlantikannya dibatalkan terlebih dahulu atau dia meletakkan jawatannya terlebih dahulu, hendaklah berhenti menjadi anggota silih ganti apabila anggota yang baginya dia menjadi anggota silih ganti itu dianggap telah mengosongkan jawatannya atau selainnya



berhenti daripada menj adi anggota Lembaga menurut peruntukanperuntukan Akta ini tetapi ini

adalah tanpa menjejaskan seseorang anggota silih ganti yang dilantik sebagai seorang anggota atau yang dilantik semula sebagai seorang anggota silih ganti.

**6. Saraan bagi anggota.**

Anggota-anggota dan anggota-anggota silih ganti Lembaga boleh dibayar apa-apa saraan yang ditentukan oleh Menteri.

**7. Jadual terpakai bagi Lembaga dan anggota-anggota.**

*[Pind. Akta A648]* Peruntukan-peruntukan Jadual Pertama terpakai bagi Lembaga, anggota-anggota dan anggota-anggota silih gantinya.

**7A. Perlindungan berkenaan dengan tindakan yang dilakukan dalam melaksanakan Akta.**

*[Mas. Akta A648]* Seseorang anggota Lembaga atau seseorang Pemeriksa tidaklah bertanggungan sendiri bagi atau berkenaan dengan apa-apa tindakan, perkara atau benda yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan dengan suci hati dan dalam menjalankan dengan sepatutnya mana-mana kewajipannya atau fungsinya sebagai seorang anggota Lembaga atau seorang Pemeriksa di bawah Akta ini.

BAHAGIAN III

PENTADBIRAN

**8. Pendaftar**, **Timbalan Pendaftar dan Penolong Pendaftar.**

(1) Menteri boleh melantik seorang Pendaftar Paten yang akan diberikan kuasa-kuasa dan fungsi-fungsi bagi pentadbiran wajar Akta ini.

(2) Menteri boleh memberi kepada Pendaftar apa-apa arahan yang tidak berlawanan dengan peruntukan-peruntukan Akta ini mengenai penjalanan dan pelaksanaan kuasa-kuasa dan fungsi-fungsi berhubungan dengan apa-apa perkara yang didapatinya



ada kaitan dengan kemajuan harta perindustrian dan perkaraperkara lain yang berkaitan dengannya dan Pendaftar hendaklah melaksanakan apa-apa arahan seperti itu.

(3) Menteri boleh melantik beberapa orang Timbalan Pendaftar Paten sebagaimana yang perlu untuk melaksanakan peruntukanperuntukan Akta ini dan Timbalan-Timbalan Pendaftar itu, dengan tertakluk kepada kawalan Pendaftar, adalah mempunyai segala kuasa dan fungsi

Pendaftar di bawah Akta ini kecuali kuasa perwakilan yang disebutkan dalam subseksyen (5).

(4) Menteri boleh melantik beberapa orang Penolong Pendaftar Paten sebagaimana yang perlu untuk melaksanakan peruntukanperuntukan Akta ini dan kuasa-kuasa Berta fungsi-fungsi seorang Penolong Pendaftar hendaklah sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri atau yang diwakilkan oleh Pendaftar menurut subseksyen (5).

(5) Pendaftar boleh, berhubungan dengan sesuatu perkara atau kelas perkara tertentu mewakilkan secara bertulis di bawah tandatangannya, semua atau mana-mana kuasa atau fungsinya di bawah Akta ini, kecuali kuasa perwakilannya, kepada seorang Penolong Pendaftar supaya kuasa dan fungsi yang diwakilkan itu boleh dijalankan oleh Penolong Pendaftar yang diwakilkan itu tetapi suatu perwakilan yang dibuat di bawah subseksyen ini boleh dibatalkan menurut budi bicara Pendaftar dan tidaklah menghalang penjalanan kuasa atau fungsi yang dijalankan oleh Pendaftar atau Timbalan Pendaftar itu.

(6) Pendaftar hendaklah mempunyai suatu meterai yang diperbuat daripada alat yang diluluskan oleh Menteri dan teraan meterai itu hendaklah diberi pengiktirafan kehakiman dan diterima sebagai keterangan.

**9. Pejabat Pendaftaran Paten.**

(1) Bagi maksud-maksud Akta ini maka hendaklah ditubuhkan suatu Pejabat Pendaftaran Paten yang akan menjadi pejabat Pendaftar.



(2) Pejabat Pendaftaran Paten hendaklah menjadi sekretariat kepada Lembaga yang ditubuhkan di bawah Akta ini.

(3) Pendaftar hendaklah bertanggungjawab bagi pentadbiran Pejabat Pendaftaran Paten.

*[Mas. Akta* A648*]* (4) Menteri boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta* menubuhkan seberapa banyak pejabat cawangan Pejabat Pendaftaran paten yang difikirkannya perlu bagi maksud-maksud Akta ini.

*[Mas.* Akta *A648]* (5) Mana-mana permohonan atau dokumen lain yang dikehendaki atau dibenarkan difailkan di Pejabat Pendaftaran Paten boleh difailkan di mana-mana pejabat cawangan Pejabat Pendaftaran Paten dan permohonan atau dokumen lain itu hendaklah disifatkan telah difailkan di Pejabat Pendaftaran Paten.

*[Gan. Akta* A863] **10. Perkhidmatan maklumat paten.**

Maka hendaklah ada suatu perkhidmatan maklumat paten yang memberikan maklumat kepada orang ramai apabila fee yang ditetapkan dibayar.

## BAHAGIAN IV

## KEBOLEHPATENAN

**11. Rekacipta yang boleh dipaten.**

Sesuatu rekacipta boleh dipaten jika ianya baru, melibatkan langkah merekacipta dan boleh digunakan untuk perindustrian.

**12. Erti "rekacipta".**

(1) Sesuatu rekacipta ertinya sesuatu ilham daripada seseorang perekacipta yang membenarkan pada amalannya penyelesaian sesuatu masalah tertentu dalam bidang teknologi.

(2) Sesuatu rekacipta mungkinnya atau boleh dikaitkan dengan sesuatu keluaran atau proses.



**13. Rekacipta yang tak boleh dipaten.** ***[Gan. Akta*** *A648]*

(1) Walaupun pada hakikatnya is mungkin rekacipta dalam erti seksyen 12, yang berikut tidak boleh dipaten:

(a) penemuan-penemuan, teori-teori saintifik dan kaedahkaedah matematik;

(b) jenis-jenis tumbuhan atau binatang atau proses-proses yang pada dasarnya adalah proses-proses biologi bagi pengeluaran tumbuhan atau binatang, selain daripada mikro organisma hidup buatan manusia, proses mikrobiologi dan keluaran-keluaran proses mikro-organisma itu;

(c) skim, aturan atau kaedah bagi menjalankan perniagaan, melakukan perbuatan-perbuatan mental semata-mata atau bermain apa-apa permianan;

(d) kaedah-kaedah merawat tubuh manusia atau binatang melalui pembedahan atau terapi, dan kaedah-kaedah diagnosis yang dilakukan kepada tubuh manusia atau binatang:

Dengan syarat bahawa perenggan ini tidaklah terpakai bagi keluaran-keluaran yang digunakan dalam manamana kaedah sedemikian.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), jika sekiranya terdapat keraguan tentang sam ada barang-barang yang ditetapkan dalamnya adalah boleh dipaten atau tidak, Pendaftar boleh merujukkan perkara itu kepada Pemeriksa untuk menanyakan pendapat dan selepas itu Pendaftar hendaklah memberi suatu keputusan tentang sama ada untuk memasukkan atau mengeluarkan barang berkenaan sebagai boleh dipaten, mengikut mana yang berkenaan.

**14. Kebaharuan.**

(1) Sesuatu rekacipta dikatakan baharu jika ianya tidak didahului oleh ciptaan seni terdahulu.

(2) Ciptaan seni terdahulu hendaklah terdiri daripada

*(a)* segala yang dizahirkan kepada awam, di manajua dalam dunia ini, secara penyiaran bertulis, secara penzahiran *[Pind. Akta A863]*



lisan, secara penggunaan atau dengan apa-apa cara lain, sebelum tarikh prioriti permohonan paten yang menuntut rekacipta itu;

(b) kandungan sesuatu permohonan paten domestik yang mempunyai tarikh prioriti yang lebih awal dari permohonan paten yang disebutkan dalam perenggan (a) setakat mana kandungan itu

termasuk dalam paten yang diberi atas asas permohonan paten domestik tersebut. ***[Pind. Akta*** A648]

(3) Sesuatu penzahiran yang dibuat di bawah perenggan (a) subseksyen (2) boleh diabaikan

(a) jika penzahiran itu berlaku dalam tempoh satu tahun sebelum tarikh permohonan paten dan jika penzahiran itu adalah disebabkan oleh atau akibat dari tindakantindakan yang dilakukan oleh pemohon atau pendulunya dalam hakmilik;

(b) jika penzahiran itu berlaku dalam tempoh satu tahun sebelum tarikh permohonan paten dan jika penzahiran itu adalah disebabkan oleh atau akibat dari apa-apa penyalahgunaan hak-hak pemohon atau pendulunya dalam hakmilik; *[Pind. Akta A648]*

(c) jika penzahiran itu ialah secara menunggu permohonan untuk mendaftarkan paten di Pejabat Paten United Kingdom seperti pada tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini.

(4) Peruntukan-peruntukan subseksyen (2) tidak menyingkirkan kebolehpatenan apa-apa bahan atau komposisi, yang terkandung dalam ciptaan seni terdahulu, bagi kegunaan dalam kaedah yang disebut dalam perenggan (d) dalam subseksyen (1) seksyen 13, jika kegunaannya dalam mana-mana kaedah sedemikian tidak terkandung dalam ciptaan seni terdahulu itu. *[Mas. Akta A863]*

**15. Langkah merekacipta.**

Suatu rekacipta hendaklah dianggap sebagai melibatkan suatu langkah merekacipta jika memandangkan apa-apa perkara yang menjadi sebahagian daripada ciptaan seni terdahulu di bawah perenggan (a) subseksyen (2) seksyen 14, langkah merekacipta ***[Pind. Akta*** A648]



itu adalah tidak ketara pada seorang yang mempunyai kemahiran biasa dalam ciptaan Beni.

**16. Pemakaian perindustrian.**

Sesuatu rekacipta hendaklah dianggap boleh dipakai bagi industri jika is boleh dibuat atau

digunakan dalam apa-apa jenis industri.

BAHAGIAN IVA ' *[Mas. Akta* A648]

PERBAHARUAN UTILITI

**17. Takrif.**

Bagi maksud-maksud Bahagian ini dan mana-mana peraturan Akta yang dibuat di bawah Akta ini berhubungan dengan Bahagian ini, "perbaharuan utiliti" ertinya apa-apa perbaharuan yang mewujudkan suatu keluaran atau proses baru, atau apa-apa perbaikan baru sesuatu keluaran atau proses yang sedia diketahui, dan termasuklah sesuatu rekacipta. *[Gan. Akta* A863]

**17A. Pemakaian.**

(1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam Bahagian ini, peruntukan-peruntukan Akta ini, tertakluk kepada ubahsuaian-ubahsuaian di dalam Jadual Kedua, hendaklah terpakai bagi perbaharuan utiliti mengikut cara yang sama sebagaimana peruntukan-peruntukan itu terpakai bagi rekacipta.

(2) Seksyen 11, 15, 26, Bahagian X, dan seksyen 89 dan 90 tidak terpakai bagai perbaharuan utiliti.

**17B. Penukaran daripada permohonan bagi mendapatkan paten menjadi permohonan bagi mendapatkan perakuan bagi perbaharuan utiliti, dan sebaliknya.** *[Mas. Akta A863]*

(1) Sesuatu permohonan bagi mendapatkan paten boleh ditukarkan menj adi suatu permohonan bagi mendapatkan perakuan bagi perbaharuan utiliti.

(2) Sesuatu permohonan bagi mendapatkan perakuan bagi perbaharuan utiliti boleh ditukarkan menjadi suatu permohonan bagi mendapatkan paten.



(3) Sesuatu permintaan untuk menukarkan suatu permohonan bagi mendapatkan paten menjadi suatu permohonan bagi mendapatkan perakuan bagi perbaharuan utiliti atau untuk menukarkan suatu permohonan bagi mendapatkan perakuan bagi perbaharuan utiliti menjadi suatu permohonan bagi mendapatkan paten hendaklah difailkan oleh pemohon dan hendaklah

mematuhi peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

(4) Sesuatu permintaan bagi penukaran di bawah seksyen ini hendaklah difailkan tidak lewat daripada enam bulan dari tarikh Pendaftar memberitahu pemohon tentang laporan yang dibuat oleh Pemeriksa mengikut subseksyen (1) atau (2) seksyen 30.

(5) Sesuatu permintaan bagi penukaran di bawah seksyen ini tidak boleh dilayani melainkan jika fee yang ditetapkan dibayar kepada Pendaftar. ***[Mas. Akta** A863]*

(6) Sesuatu permohonan yang sudah ditukarkan hendaklah disifatkan telah difailkan pada masa permohonan asal difailkan.

**17c. Paten dan perakuan bagi perbaharuan utiliti tidak boleh diberikan kedua-duanya sekali bagi rekacipta yang sama.**

(1) Jika seseorang pemohon bagi mendapatkan paten telah juga

(a) membuat permohonan bagi mendapatkan perakuan bagi perbaharuan utiliti; atau

(b) diberi suatu perakuan bagi perbaharuan utiliti,

dan hal perkara permohonan bagi mendapatkan paten itu adalah sama dengan hal perkara permohonan yang tersebut dalam perenggan (a) atau hal perkara perakuan yang tersebut dalam perenggan (b), paten tidak boleh diberikan sehinggalah permohonan yang tersebut dalam perenggan (a) ditarik balik atau perakuan yang tersebut dalam perenggan (b) diserahkan.

(2) Jika seseorang pemohon bagi mendapatkan perakuan bagi perbaharuan utiliti telah juga

(a) membuat permohonan bagi mendapatkan paten; atau

(b) diberi suatu paten,



dan hal perkara permohonan bagi mendapatkan perakuan bagi perbaharuan utiliti itu adalah sama dengan hal perkara permohonan yang tersebut dalam perenggan (a) atau hal perkara perakuan yang tersebut dalam perenggan (b), paten tidak boleh diberikan sehinggalah permohonan yang tersebut dalam perenggan (a) ditarik balik atau paten yang tersebut dalam

perenggan (b) diserahkan.

BAHAGIAN V

HAK-HAK KEPADA SUATU PATEN

**18. Hak kepada suatu paten.**

(1) Mana-mana orang boleh membuat permohonan bagi mendapatkan paten sama ada dengan sendiri atau bersesama dengan orang lain.

(2) Tertakluk kepada seksyen 19, hak-hak kepada sesuatu paten hendaklah dipunyai oleh perekacipta.

(3) Jika dua orang atau lebih secara bersesama telah membuat sesuatu rekacipta, hak-hak kepada suatu paten hendaklah dipunyai oleh mereka bersesama.

(4) Jika dua orang atau lebih telah membuat rekacipta yang sama secara berasingan dan bebas, dan setiap seorang daripada mereka telah membuat permohonan bagi mendapatkan paten, hak mendapatkan paten bagi rekacipta itu hendaklah dipunyai oleh orang yang permohonannya mempunyai tarikh prioriti yang paling awal sekali. ***[Mas. Akta** A863]*

**19. Penyerahhakan kehakiman akan permohonan paten atau paten.**

Jika elemen-elemen yang perlu bagi rekacipta yang dituntut dalam sesuatu permohonan paten atau paten telah diperolehi secara tidak sah daripada suatu rekacipta yang baginya hak paten itu dipunyai oleh orang lain, maka orang lain itu boleh memohon ke Mahkamah untuk mendapatkan perintah supaya permohonan paten atau paten tersebut diserahhakkan kepadanya:

Dengan syarat bahawa Mahkamah tidak akan melayani sesuatu



permohonan untuk menyerahhak sesuatu paten selepas lima tahun dari tarikh paten itu diberi.

**20. Rekacipta yang dibuat oleh seorang pekerja atau menurut suatu tauliah.**

(1) Dengan tiadanya apa-apa peruntukan yang berlawanan dalam mana-mana kontrak pekerj aan atau bagi pelaksanaan kerj a, hak-hak kepada suatu paten bagi sesuatu rekacipta yang dibuat semasa pelaksanaan kontrak pekerjaan itu atau semasa pelaksanaan kerja itu hendaklah disifatkan terakru kepada majikan, atau orang yang ditauliahkan kerja itu, mengikut mana yang berkenaan:

Dengan syarat bahawa jika rekacipta itu memperolehi nilai ekonomi yang lebih besar daripada yang boleh diramalkan dengan munasabahnya oleh pihak-pihak semasa pembuatan kontrak pekerjaan atau bagi pelaksanaan kerja, mengikut mana yang berkenaan, perekacipta adalah berhak mendapat saraan yang saksama yang ditetapkan oleh Mahkamah j ika tidak ada perj anjian di antara pihak-pihak.

(2) Jika seseorang pekerja yang mana kontrak pekerjaannya tidak menghendakinya mengambil bahagian dalam apa-apa aktiviti merekacipta membuat, dalam bidang aktiviti-aktiviti majikannya, suatu rekacipta dengan menggunakan data atau cara yang diletakkan di bawah kawalannya oleh majikannya, hak kepada paten bagi rekacipta itu hendaklah disifatkan sebagai terakru kepada majikan, jika tidak ada apa-apa peruntukan yang berlawanan dalam kontrak pekerjaan:

Dengan syarat bahawa pekerja itu adalah berhak mendapat saraan yang saksama yang, jika tidak ada perjanjian di antara pihak-pihak itu, boleh ditetapkan oleh Mahkamah yang mengambil kira emolumennya, nilai ekonomi rekacipta itu dan apa-apa faedah yang diperolehi daripadanya oleh majikan.

(3) Hak-hak yang diberi kepada perekacipta di bawah subseksyen (1) dan (2) tidak akan dihadkan oleh kontrak.

**21. Rekacipta oleh pekerja Kerajaan.**

Walau apa pun peruntukan-peruntukan subseksyen (3) seksyen 20, peruntukan-peruntukan seksyen itu adalah terpakai bagi



seseorang pekerja Kerajaan atau seseorang pekerja organisasi atau enterprais Kerajaan

melainkanjika diperuntukkan selainnya oleh kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan organisasi atau enterprais Kerajaan itu.

**22. Pemunya-pemunya bersama.**

Jika hak untuk mendapatkan sesuatu paten dipunyai secara bersesama, paten itu hanya boleh dipohon secara bersesama oleh semua pemunya bersama.

## BAHAGIAN VI

## PERMOHONAN, PROSEDUR BAGI PEMBERIAN DAN JANGKA MASA

**23. Kehendak-kehendak permohonan.**

Tiap-tiap permohonan bagi pemberian sesuatu paten hendaklah mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Menteri di bawah Akta ini.

**23A. Permohonan-permohonan oleh pemastautin-pemastautin hendaklah difailkan di Malaysia dahulu.** *[Mas. Akta A648]*

Tiada seorang pun yang bermastautin di Malaysia boleh, tanpa kebenaran bertulis yang diberikan oleh Pendaftar, memfailkan atau menyebabkan difailkan di luar Malaysia suatu permohonan bagi mendapatkan paten bagi suatu rekacipta melainkan jika

(a) suatu permohonan bagi mendapatkan paten bagi rekacipta yang sama telah difailkan di Pejabat Pendaftaran Paten, tidak kurang daripada dua bulan sebelum permohonan di luar Malaysia itu; dan

(b) sama ada tiada arahan telah dikeluarkan oleh Pendaftar di bawah seksyen 30A berhubungan dengan permohonan itu atau semua arahan sedemikian sudah dibatalkan.

**24. Fee permohonan.**

Suatu permohonan untuk pemberian sesuatu paten tidak boleh dipertimbangkan melainkanjika fee yang ditetapkan telah dibayar kepada Pendaftar.

21

**25. Penarikan balik permohonan.** *[Gan.* Akta *A863]*

Seseorang pemohon boleh menarik balik permohonannya pada bila-bila masa sementara menanti keputusan permohonan itu dengan mengemukakan suatu akuan dalam borang yang ditetapkan kepada Pendaftar, dan penarikan balik itu tidak boleh dibatalkan.

**26. Penyatuan rekacipta.**

Sesuatu permohonan hendaklah berhubungan dengan satu rekacipta sahaja atau dengan suatu kumpulan rekacipta yang dihubungkan sedemikian rupa hingga terbentuk satu konsep perekaciptaan am tunggal.

**26A. Pindaan permohonan. *[Mas. Akta*** *A648]*

Pemohon boleh meminda permohonan:

Dengan syarat pindaan itu tidak menzahirkan lebih daripada apa yang dizahirkan dalam permohonan asal.

**26B. Pembahagian permohonan.**

(1) Pemohon boleh membahagikan permohonan menjadi dua permohonan atau lebih ("permohonan terbahagi"):

Dengan syarat bahawa setiap permohonan terbahagi tidak menzahirkan lebih daripada apa yang dizahirkan dalam permohonan asal.

(2) Setiap permohonan terbahagi hendaklah berhak mendapat tarikh prioriti permohonan asal. *[Pind. Akta A863]*

**27. Hak prioriti.**

(1) Sesuatu permohonan boleh mengandungi suatu penetapan yang menuntut prioriti, menurut mana-mana triti antarabangsa atau Konvensyen antarabangsa, mengenai satu atau lebih permohonan-permohonan negara, serantau atau antarabangsa terdahulu yang difailkan dalam tempoh dua belas bulan sebelum sahaja tarikh pemfailan permohonan yang mengandungi akaun itu oleh pemohon atau pendulunya dalam hakmilik dalam atau bagi mana-mana pihak kepada triti antarabangsa atau konvensyen antarabangsa tersebut. *[Pind. Akta A863]*

22

(l A) Tempoh dua belas bulan yang tersebut dalam subseksyen (1) tidak boleh dilanjutkan di

bawah peruntukan-peruntukan seksyen 82. *[Mas.Akta A863]*

(2) Jika permohonan itu mengandungi suatu penetapan di bawah subseksyen (1), Pendaftar boleh menghendaki supaya pemohon itu memberi, dalam masa yang ditetapkan, suatu salinan permohonan yang terdahulu, diperakui sebagai betul oleh pejabat yang dengan mana is telah difailkan atau di mana permohonan yang terdahulu itu adalah suatu permohonan antarabangsa yang difailkan di bawah mana-mana triti antarabangsa oleh Biro Antarabangsa bagi Pertubuhan Harta Intelektual Sedunia.

(3) Kesan akuan yang disebutkan dalam subseksyen (1) hendaklah sebagaimana diperuntukkan dalam triti atau Konvensyen yang disebutkan dalamnya. *[Pind. Akta A863]*

(4) Jika mana-mana kehendak seksyen ini atau mana-mana peraturan yang berkaitan dengannya telah tidak dipatuhi, maka penetapan yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah dianggap taksah.

**27A. Tarikh prioriti.** *[Mas.Akta A863]*

(1) Tertakluk kepada subseksyen (2), tarikh prioriti sesuatu permohonan bagi mendapatkan paten ialah tarikh pemfailan permohonan itu.

(2) Jika sesuatu permohonan mengandungi akuan yang tersebut dalam seksyen 27, maka tarikh prioriti permohonan itu hendaklah tarikh pemfailan permohonan yang paling awal sekali yang prioritinya dituntut dalam akuan itu.

**28. Tarikh pemfailan.**

(1) Pendaftar hendaklah merekodkan tarikh permohonan diterima sebagai tarikh pemfailan:

Dengan syarat bahawa permohonan itu mengandungi

(a) nama dan alamat pemohon;

(b) nama dan alamat perekacipta;



(c) suatu perihalan;

(d) suatu tuntutan atau tuntutan-tuntutan; dan

(e) bahawa semasa menerima permohonan itu fee yang ditetapkan telah dibayar.

(2) Jika Pendaftar mendapati bahawa, semasa menerima permohonan itu, peruntukan-peruntukan subseksyen (1) tidak disempurnakan, dia hendaklah meminta pemohon memfailkan pembetulan yang dikehendaki.

(3) Jika pemohon mematuhi permintaan yang disebutkan dalam subseksyen (2), Pendaftar hendaklah merekodkan tarikh terimanya pembetulan yang dikehendaki itu sebagai tarikh pemfailan dan jika pemohon itu tidak mematuhinya, Pendaftar hendaklah menganggap permohonan itu sebagai taksah.

(4) Jika permohonan itu adalah berkenaan dengan lukisanlukisan yang sebenarnya tidak disertakan bersama permohonan itu, Pendaftar hendaklah meminta pemohon memberi lukisan-lukisan yang hilang itu.

(5) Jika pemohon mematuhi permintaan yang disebutkan dalam subseksyen (4), Pendaftar hendaklah merekodkan tarikh terimanya lukisan-lukisan yang hilang itu sebagai tarikh pemfailan dan jika pemohon itu tidak mematuhinya, Pendaftar hendaklah merekodkan tarikh terimanya permohonan itu sebagai tarikh pemfailan dan rujukan tidak boleh dibuat kepada lukisan-lukisan tersebut.

**29. Pemeriksaan permulaan.** *[Gan. Akta A863]*

(1) Jika sesuatu permohonan bagi mendapatkan paten mempunyai tarikh pemfailan dan tidak ditarik balik, Pendaftar hendaklah memeriksa permohonan itu dan memutuskan sama ada is mematuhi kehendak-kehendak Akta ini dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini yang telah ditentukan oleh peraturanperaturan itu sebagai kehendak-kehendak formal bagi maksudmaksud Akta ini.

(2) Jika Pendaftar, hasil daripada pemeriksaan di bawah subseksyen (1), mendapati bahawa tidak semua kehendak formal telah dipatuhi, dia hendaklah memberikan peluang kepada



pemohon untuk memberikan apa-apa pandangan tentang dapatan itu dan untuk meminda permohonan itu dalam tempoh yang ditetapkan supaya kehendak-kehendak itu dipatuhi, dan jika

pemohon tidak berbuat demikian, Pendaftar boleh menolak permohonan itu.

**29A. Permintaan bagi pemeriksaan substantif atau pemeriksaan substantif yang diubahsuaikan.**

(1) Jika sesuatu permohonan bagi mendapatkan paten sudah diperiksa di bawah seksyen 29 dan tidak ditarik balik atau ditolak, pemohon hendaklah memfailkan, dalam tempoh yang ditetapkan, suatu permintaan bagi pemeriksaan substantif permohonan itu.

(2) Jika suatu paten atau hakmilik lain bagi perlindungan harta perindustrian telah diberikan kepada pemohon atau pendulunya dalam hakmilik di suatu negara ditetapkan di luar Malaysia atau di bawah suatu triti atau Konvensyen yang ditetapkan bagi suatu rekacipta yang lama atau yang pada dasarnya sama dengan rekacipta yang dituntut dalam permohonannya; maka pemohon boleh meminta pemeriksaan substantif yang diubahsuaikan sebagai ganti pemeriksaan substantif.

(3) Sesuatu permintaan bagi pemeriksaan substantif atau pemeriksaan substantif yang diubahsuaikan hendaklah dibuat dalam borang yang ditetapkan dan tidaklah disifatkan telah difailkan sehingga fee yang ditetapkan dibayar kepada Pendaftar dan apa-apa kehendak yang ditetapkan yang lain dipatuhi. *[Gan. Akta A863]*

(4) Pendaftar boleh menghendaki pemohon memberikan, pada masa permintaan bagi pemeriksaan substantif difailkan

(a) apa-apa maklumat yang ditetapkan atau dokumen sokongan yang ditetapkan berkenaan dengan pemfailan mana-mana permohonan bagi mendapatkan paten atau hakmilik lain bagi perlindungan harta perindustrian yang difailkan di luar Malaysia oleh pemohon itu atau pendulunya dalam hakmilik dengan sesuatu pej abat harta perindustrian kebangsaan, serantau, atau antarabangsa;

(b) apa-apa maklumat yang ditetapkan berkenaan dengan keputusan-keputusan apa-apa pencarian atau pemeriksaan



yang dijalankan oleh sesuatu Pihak Berkuasa Pencarian Antarabangsa di bawah Triti Kerjasama Paten, yang berhubungan dengan rekacipta yang sama atau yang pada dasarnya sama dengan

rekacipta yang dituntut dalam permohonan yang baginya permintaan bagi pemeriksaan substantif itu difailkan.

(5) Jika pemohon

(a) tidak memfailkan sama ada suatu permintaan di bawah subseksyen (1) bagi pemeriksaan substantif atau suatu permintaan di bawah subseksyen (2) bagi pemeriksaan substantif yang diubahsuaikan; atau

(b) tidak memberikan maklumat atau dokumen yang disebut dalam subseksyen (4) sebagaimana yang dikehendaki oleh Pendaftar,

dalam tempoh yang ditetapkan, maka permohonan bagi mendapatkan paten itu hendaklah, tertakluk kepada subseksyen (6), disifatkan telah ditarik balik pada akhir tempoh itu.

(6) Walau apa pun subseksyen (5), Pendaftar boleh, atas permintaan pemohon membenarkan penangguhan pemfailan permintaan bagi pemeriksaan yang disebut dalam subseksyen (1) atau (2) atau penangguhan pemberian maklumat atau dokumen yang disebut dalam subseksyen (4), dan penangguhan itu boleh dibenarkan hanya atas alasan bahawa

(a) paten atau hakmilik yang disebut dalam subseksyen (2) belum diberikan atau tidak boleh didapati; atau

(b) maklumat atau dokumen yang disebut dalam subseksyen (4) tidak akan didapati,

pada masa tempoh yang ditetapkan bagi pemfailan permintaan di bawah subseksyen (1) atau (2) itu habis.

(7) Tiada penangguhan boleh dibenarkan di bawah subseksyen (6) melainkan jika permintaan bagi penangguhan itu difailkan sebelum habis tempoh yang ditetapkan bagi pemfailan permintaan di bawah subseksyen (1) atau (2) dan tiada penangguhan boleh diminta atau dibenarkan bagi suatu tempoh yang lebih lama daripada tempoh yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.



(8) Tanpa menjejaskan kuasa Pendaftar untuk membenarkan penangguhan, tempoh yang ditetapkan bagi maksud-maksud seksyen ini tidak boleh dilanjutkan di bawah peruntukan-

peruntukan seksyen 82.

**30. Pemeriksaan substantif dan pemeriksaan substantif yang diubahsuaikan.**

(1) Jika suatu permintaan bagi pemeriksaan substantif telah difailkan di bawah subseksyen (1), seksyen 29A, Pendaftar hendaklah merujukkan permohonan itu kepada seorang Pemeriksa yang hendaklah *[Gan. Akta A863]*

(a) memutuskan sama ada permohonan itu mematuhi kehendak-kehendak Akta ini dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini yang ditentukan oleh peraturan-peraturan itu sebagai kehendak-kehendak substantif bagi maksud-maksud Akta ini; dan

(b) melaporkan keputusannya itu kepada Pendaftar.

(2) Jika suatu permintaan bagi pemeriksaan substantif yang diubahsuaikan telah difailkan di bawah subseksyen (2) seksyen 29A, Pendaftar hendaklah merujukkan permohonan itu kepada Pemeriksa yang hendaklah

(a) memutuskan sama ada permohonan itu mematuhi kehendak-kehendak Akta ini dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini yang ditentukan oleh peraturan-peraturan itu sebagai kehendak-kehendak substantif yang diubahsuaikan bagi maksud-maksud Akta ini; dan

(b) melaporkan keputusannya itu kepada Pendaftar.

(3) Jika Pemeriksa, mengikut subseksyen (1) atau (2), melaporkan bahawa mana-mana kehendak yang disebut dalam subseksyen (1) atau (2), mengikut mana-mana yang berkenaan, tidak dipatuhi, Pendaftar hendaklah memberi pemohon suatu peluang untuk memberikan pandangan tentang laporan itu dan untuk meminda permohonan itu supaya kehendak-kehendak itu dipatuhi dalam tempoh yang ditetapkan, dan jika pemohon tidak memuaskan hati Pendaftar bahawa kehendak-kehendak itu



dipatuhi, atau tidak meminda permohonan itu supaya kehendakkehendak itu dipatuhi, Pendaftar boleh menolak permohonan itu.

(4) Pendaftar boleh membenarkan perlanjutan tempoh yang ditetapkan yang disebut dalam subseksyen (3) tetapi perlanjutan itu boleh dibenarkan hanya sekali sahaja dan tiada perlanjutan boleh dibenarkan selepas itu di bawah peruntukan-peruntukan seksyen 82.

(5) Jika Pemeriksa, mengikut subseksyen (1) atau (2), melaporkan bahawa permohonan itu, sama ada sebagaimana yang difailkan pada asalnya atau sebagaimana yang dipinda, mematuhi kehendak-kehendak yang disebut dalam subseksyen (1) atau (2), mengikut mana-mana yang berkenaan, Pendaftar hendaklah memberitahu pemohon tentang hakikat itu dan, tertakluk kepada subseksyen (6), hendaklah memproses permohonan itu sewajamya.

(6) Jika dua atau lebih daripada dua permohonan bagi mendapatkan paten bagi rekacipta yang sama dan yang mempunyai tarikh prioriti yang sama difailkan oleh pemohon yang sama atau penggantinya dalam hakmilik, Pendaftar boleh, atas alasan itu, enggan memberikan paten atas lebih daripada satu permohonan itu.

(7) Pendaftar boleh menepikan, sebagaimana yang difikirkannya patut, kehendak supaya dirujukkan sesuatu permohonan atau mana-mana bahagiannya bagi pemeriksaan substantif di bawah subseksyen (1):

Dengan syarat bahawa dia hendaklah memberitahu, dalam *Warta,* niatnya untuk menepikan kehendak itu dan hendaklah membenarkan mana-mana pihak yang akan terkilan oleh penepian itu didengar dalam perkara itu.

**30A. Larangan menyiarkan maklumat yang mungkin mudarat kepada negara.** ***[Mas. Akta A648]***

(1) Tertakluk kepada apa-apa arahan Menteri, jika suatu permohonan bagi mendapatkan paten difailkan atau disifatkan telah difailkan di Pejabat Pendaftaran Paten dan Pendaftar mendapati bahawa permohonan itu mengandungi maklumat yang



penyiarannya mungkin mudarat kepada kepentingan atau keselamatan negara, dia boleh mengeluarkan arahan-arahan melarang atau menyekat penyiaran maklumat itu atau penyampaiannya sama ada secara am atau kepada seorang tertentu atau suatu golongan orang

tertentu.

(2) Tertakluk kepada apa-apa arahan Menteri, Pendaftar boleh membatalkan mana-mana arahan yang dikeluarkan olehnya di bawah subseksyen (1) yang melarang atau menyekat penyiaran atau penyampaian mana-mana maklumat yang terkandung dalam sesuatu permohonan untuk mendapatkan patenjika dia berpuashati bahawa penyiaran atau penyampaian itu tidak lagi mudarat kepada kepentingan atau keselamatan negara.

(3) Jika arahan-arahan yang dikeluarkan oleh Pendaftar di bawah subseksyen (1) berkuatkuasa berkenaan dengan sesuatu permohonan, permohonan itu boleh diteruskan ke peringkat yang mewajarkan pemberian paten tetapi paten tidak boleh diberikan atas permohonan itu.

(4) Tiada apa-apa pun dalam seksyen ini melarang penzahiran maklumat mengenai sesuatu rekacipta kepada sesuatu Kementerian atau jabatan atau pihak berkuasa Kerajaan bagi maksud mendapatkan nasihat sama ada arahan-arahan di bawah seksyen ini patut dibuat, dipinda atau dibatalkan.

**31. Pemberian paten.**

(1) Pemberian sesuatu paten tidak boleh ditolak dan sesuatu paten tidak boleh dijadikan taksah atas alasan bahawa pelaksanaan apa-apa tindakan berkenaan dengan rekacipta yang dituntut adalah dilarang oleh mana-mana undang-undang atau peraturan, kecuali jika pelaksanaan tindakan itu adalah berlawanan dengan ketenteraman awam atau kemoralan.
***[Pind. Akta** A1088]*

(2) Jika Pendaftar berpuas hati bahawa permohonan itu mematuhi seksyen 23, 29 dan 30, dia hendaklah memberi paten dan hendaklah dengan serta-merta

*(a)* mengeluarkan kepada pemohon suatu perakuan mengenai pemberian paten itu dan satu salinan paten bersama-sama dengan satu salinan laporan muktamad Pemeriksa; *[Pind. Akta A863]* dan



(b) merekodkan paten itu dalam Daftar.

(2A) Jika dua atau lebih daripada dua orang telah, secara berasingan dan bebas, membuat rekacipta yang sama dan setiap seorang daripada mereka telah membuat permohonan bagi mendapatkan paten dan permohonan-permohonan itu mempunyai tarikh prioriti yang sama, suatu paten boleh diberikan atas setiap permohonan itu. ***[Mas. Akta** A863]*

(3) Dengan seberapa segera yang boleh selepas itu Pendaftar hendaklah

*(a)* mengarahkan supaya disiarkan dalam *Warta* suatu rujukan mengenai pemberian paten itu;

(b) mengadakan bagi orang awam salinan-salinan paten setelah dibayar fee yang ditetapkan. *[Pind.* Akta *A863]*

(4) Paten hendaklah disifatkan diberi pada tarikh Pendaftar melaksanakan tindakan-tindakan yang disebutkan dalam subseksyen (2).

**32. Daftar paten.** *[Gan. Akta A863]*

(1) Pendaftar hendaklah menyimpan dan menyenggara suatu daftar yang dinamakan Daftar Paten.

(2) Daftar Paten hendaklah mengandungi segala perkara dan butir yang ditetapkan berhubungan dengan paten.

(3) Daftar Paten hendaklah disimpan dalam bentuk dan atas bahantara yang ditetapkan.

**32A. Notis mengenai amanah tidak boleh didaftarkan**. [Mas. Akta A863]

Notis mengenai sesuatu amanah, yang nyata, tersirat atau konstruktif, tidak boleh dimasukkan ke dalam Daftar atau disetujuterima oleh Pendaftar.

**33. Pemeriksaan Daftar dan salinan diperakui.**

Mana-mana orang boleh memeriksa Daftar dan boleh mendapatkan cabutan diperakui daripadanya setelah dibayar fee yang ditetapkan.



**33A. Salinan diperakui atau cabutan diperakui daripada Daftar**, **dsb. boleh diterima sebagai keterangan dalam mahkamah.** *[Mas.Akta A863]*

(1) Daftar hendaklah menjadi keterangan *prima facie* tentang segala perkara yang dikehendaki atau yang dibenarkan dicatatkan dalamnya oleh Akta ini.

(2) Salinan-salinan atau cabutan-cabutan daripada Daftar, atau salinan-salinan atau cabutan-cabutan daripada apa-apa dokumen atau penerbitan di Pejabat Pendaftaran Paten, boleh diterima sebagai keterangan dalam semua mahkamah tanpa bukti selanjutnya atau tanpa pengemukaan Daftar, dokumen atau penerbitan yang asal jika salinan atau cabutan itu diperakui oleh Pendaftar secara bertulis di bawah tandatangannya.

**33B. Pindaan-pindaan kepada Daftar.** *[Mas.Akta A863]*

(1) Pendaftar boleh, atas permintaan yang dibuat oleh pemunya paten mengikut cara yang ditetapkan, meminda Daftar

(a) dengan membetulkan apa-apa kesilapan nama atau alamat pemunya paten itu; atau

(b) dengan memasukkan apa-apa perubahan nama atau alamat pemunya paten itu.

(2) Jika Daftar telah dipinda di bawah seksyen ini, Pendaftar boleh menghendaki perakuan mengenai pemberian paten dikemukakan kepadanya dan boleh

(a) membatalkan perakuan mengenai pemberian paten itu dan mengeluarkan suatu perakuan baru mengenai pemberian paten itu; atau

(b) membuat apa-apa pindaan berbangkit dalam perakuan mengenai pemberian paten itu sebagaimana yang menjadi perlu oleh sebab pindaan kepada Daftar itu.

(3) Walau apa pun mana-mana peruntukan lain Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, tiada fee kena dibayar oleh pemunya paten berkenaan dengan sesuatu permintaan untuk membetulkan apa-apa kesilapan nama atau alamat pemunya itu melainkan jika kesilapan itu disebabkan atau turut disebabkan oleh pemunya itu.



**33c. Mahkamah boleh memerintahkan supaya Daftar dibetulkan.** *[Mas. Akta A863]*

(1) Mahkamah boleh, atau permohonan mana-mana orang yang terkilan, memerintahkan supaya Daftar dibetulkan dengan mengarahkan

(a) pembuatan apa-apa catatan yang ditinggalkan dengan salah daripada Daftar;

(b) pemadaman atau pemindaan apa-apa catatan yang dibuat dengan salah dalam Daftar atau yang masih ada dengan salah dalam Daftar; atau

(c) pembetulan apa-apa kesilapan atau kecacatan dalam Daftar.

(2) Notis tentang tiap-tiap permohonan di bawah seksyen ini hendaklah disampaikan kepada Pendaftar yang hendaklah mempunyai hak untuk hadir dan didengar, dan yang hendaklah hadir jika diarahkan sedemikian oleh Mahkamah.

(3) Melainkan jika diarahkan selainnya oleh Mahkamah, Pendaftar, sebagai ganti hadir dan didengar, boleh mengemukakan suatu pernyataan bertulis yang ditandatanganinya kepada Mahkamah

(a) yang memberikan butir-butir berhubungan dengan perkara yang menjadi isu;

(b) tentang alasan-alasan apa-apa keputusan yang diberikan olehnya yang menyentuh perkara yang menjadi isu;

(c) tentang amalan Pejabat Pendaftar Paten dalam kes-kes yang serupa; atau

(d) tentang perkara-perkara lain yang relevan dengan isuisu itu dan yang dalam pengetahuannya sebagai Pendaftar, sebagaimana yang difikirkannya patut,

dan pernyataan itu hendaklah disifatkan menjadi sebahagian daripada keterangan dalam Mahkamah.

(4) Suatu salinan bermeterai sesuatu perintah di bawah seksyen ini hendaklah disampaikan kepada Pendaftar yang hendaklah, apabila diterimanya perintah itu, mengambil langkah-langkah yang perlu untuk melaksanakan perintah itu.



**34. Pemeriksaan fail.**

(1) Mana-mana orang, setelah sesuatu paten diberi, boleh memeriksa fail yang berhubungan dengan paten itu dan, tertakluk kepada subseksyen (2), fail yang berhubungan dengan sesuatu permohonan paten, dan boleh mendapatkan cabutan diperakui daripadanya setelah dibayar fee yang ditetapkan.

(2) Fail yang berhubungan dengan sesuatu permohonan paten boleh diperiksa sebelum paten itu diberi hanya dengan kebenaran bertulis dari pemohon:

Dengan syarat bahawa sebelum paten itu diberi, Pendaftar boleh menzahirkan maklumat yang berikut kepada mana-mana orang:

(a) nama, alamat dan perihalan pemohon dan nama dan alamat ejen, jika ada;

(b) bilangan permohonan itu;

(c) tarikh pemfailan permohonan itu dan, jika prioriti dituntut, tarikh prioriti, bilangan permohonan yang terdahulu dan nama Negeri di mana permohonan yang terdahulu itu telah difailkan atau jika permohonan yang terdahulu itu ialah permohonan serantau atau permohonan antarabangsa, nama negara atau negara-negara yang baginya dan pejabat di mana ianya difailkan;

(d) hakmilk rekacipta itu;

(e) apa-apa pertukaran dalam keempunyaan permohonan dan apa-apa rujukan mengenai kontrak lesen yang terdapat dalam fail yang berhubungan dengan permohonan itu.

(3) Tiada seorang pun yang bekerja dalam atau di Pejabat Pendaftaran Paten atau pejabat mana-mana pemeriksa boleh membuat sesuatu permohonan paten atau diberi suatu paten atau memperolehi atau memegang dengan apa-apa jua cara pun apa-apa hak berhubungan dengan sesuatu paten semasa tempoh pekerjaannya dalam atau di Pejabat Pendaftaran Paten dan selama tempoh satu tahun selepas tamat pekerjaannya itu. *[Pind.Akta A648]*



**35. Jangka masa bagi paten.**

(1) Jangka masa sesuatu paten hendaklah dua puluh tahun dari tarikh pemfailan permohonan. *[Gan. Akta A1088]*

(1A) Tanpa menjejaskan subseksyen (1) dan tertakluk kepada peruntukan lain Akta ini, suatu paten hendaklah disifatkan diberikan dan berkuat kuasa pada tarikh perakuan mengenai pemberian paten itu dikeluarkan. ***[Mas. Akta** A1088]*

(2) Jika seseorang pemunya paten bercadang untuk terus menguatkuasakan paten itu apabila habis tempoh tahun kedua dari tarikh paten itu diberi, dia hendaklah dalam masa dua belas bulan sebelum tarikh habis tempoh tahun kedua dan tiap-tiap tahun yang berikutnya dalam tempoh berkuatkuasanya paten itu, membayar fee tahunan yang ditetapkan:

Dengan syarat, bagaimanapun, bahawa suatu tempoh pertangguhan selama enam bulan hendaklah dibenarkan selepas habis tempoh itu, setelah pembayaran surcaj sebagaimana yang ditetapkan. *[Pind. Akta A648]*

(3) Jika fee tahunan yang ditetapkan tidak dibayar mengikut subseksyen (2), paten itu hendaklah luput, dan notis tentang luputnya paten itu kerana apa-apa fee tahunan tidak dibayar hendaklah disiarkan dalam *Warta.* ***[Mas. Akta** A863]*

**35A. Penghidupan semula paten yang Input.**

(1) Dalam masa dua tahun dari tarikh sesuatu notis tentang luputnya sesuatu paten disiarkan dalam *Warta*

(a) pemunya paten itu atau penggantinya dalam hakmilik; atau

(b) mana-mana orang lain yang, sekiranya paten itu tidak luput, akan berhak mendapat paten itu,

boleh memohon kepada Pendaftar dalam borang yang ditetapkan supaya paten itu dihidupkan semula.

(2) Pendaftar boleh menghidupkan semula sesuatu paten atas permohonan yang dibuat di bawah subseksyen (1)

(a) apabila dibayar semua fee tahunan yang terhutang dan surcaj yang ditetapkan bagi penghidupan semula; dan



(b) apabila dia berpuas hati bahawa fee tahunan itu tidak dibayar dengan tak sengaja, kerana silap atau kerana apa-apa sebab lain yang tak dapat diramalkan.

(3) Jika Pendaftar menghidupkan semula sesuatu paten yang luput, dia hendaklah menyebabkan notis mengenai penghidupan semula itu disiarkan dalam *Warta.*

(4) Penghidupan semula sesuatu paten yang luput tidaklah menjejaskan hak-hak yang diperolehi oleh pihak-pihak ketiga selepas diberitahu dalam *Warta* bahawa paten itu telah luput dan sebelum diberitahu dalam *Warta* bahawa paten itu telah dihidupkan semula.

(5) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan untuk mengadakan peruntukan bagi perlindungan atau pampasan orang-orang yang telah mengeksploit atau yang telah mengambil langkah-langkah pasti, melalui kontrak atau selainnya, untuk mengeksploit sesuatu paten selepas diberitahu dalam *Warta* bahawa paten itu telah luput dan sebelum diberitahu dalam *Warta* bahawa paten itu telah dihidupkan semula, tetapi apa-apa perlindungan sedemikian tidak boleh meliputi lebih daripada apa-apa eksploitasi paten yang luput itu yang telah digunakan oleh orangorang itu atau yang, untuk menggunakannya, langkah-langkah yang pasti telah diambil oleh orang-orang itu.

(6) Tiada prosiding boleh diambil berkenaan dengan pelanggaran sesuatu paten yang dilakukan selepas diberitahu dalam *Warta* bahawa paten itu telah luput dan sebelum diberitahu dalam *Warta* bahawa paten itu telah dihidupkan semula.

## BAHAGIAN VII

## HAK-HAK PEMUNYA PATEN

**36. Hak-hak pemunya paten.**

(1) Tertakluk kepada dan tanpa menjejaskan peruntukanperuntukan lain Bahagian ini, pemunya sesuatu paten hendaklah mempunyai hak-hak eksklusif yang berikut berhubungan dengan paten itu:

(a) untuk mengeksploit rekacipta yang telah dipatenkan;



(b) untuk menyerahhak atau memindahkan paten itu;

(c) untuk membuat kontrak-kontrak lesen.

(2) Tiada seorang pun boleh melakukan apa-apa tindakan yang disebutkan dalam subseksyen (1) tanpa keizinan pemunya paten itu.

(3) Bagi maksud-maksud Bahagian ini, "eksploitasi" sesuatu rekacipta yang dipaten ertinya mana-mana tindakan yang berikut berhubungan dengan sesuatu paten:

(a) jika paten itu telah diberi berkenaan dengan sesuatu keluaran

(i) membuat, mengimport, menawarkan untuk jualan, menjual atau menggunakan keluaran itu;

(ii) membekalkan keluaran itu bagi maksud menawarkan untuk jualan, menjual atau menggunakan;

(b) jika paten itu telah diberi berkenaan dengan sesuatu proses

(i) menggunakan proses itu;

(ii) melakukan mana-mana tindakan yang disebutkan dalam perenggan (a), berkenaan dengan sesuatu keluaran yang didapati secara langsung mengikut cara proses itu.

(4) Bagi maksud-maksud seksyen ini, j ika paten telah diberikan mengenai suatu proses bagi mendapatkan suatu keluaran, keluaran yang sama yang dikeluarkan oleh seseorang yang bukan pemunya paten atau pemegang lesennya hendaklah, melainkan jika dibuktikan sebaliknya, dianggap dalam apa-apa prosiding sebagai telah didapati melalui proses itu. *[Mas. Akta A648]*

**37. Pembatasan hak-hak.**

(1) Hak-hak di bawah paten hendaklah meliputi hanya tindakantindakan yang dilakukan bagi maksud-maksud perindustrian atau perdagangan dan khususnya bukan bagi tindakan-tindakan yang dilakukan hanya bagi penyelidikan saintifik. *[Pind. Akta A863]*



(IA) Hak-hak di bawah paten tidaklah boleh meliputi tindakantindakan yang dilakukan bagi membuat, mengguna, menawar untukjualan atau menjual sesuatu rekacipta yang dipaten sematamata untuk kegunaan yang semunasabahnya berhubung dengan pembangunan dan penyerahan maklumat kepada pihak berkuasa yang relevan yang mengawal selia pengilangan,

penggunaan atau penjualan dadah. *[Mas. Akta A1088]*

(2) Hak-hak di bawah paten meliputi tindakan-tindakan berkenaan dengan keluaran-keluaran yang telah dipasarkan- *[Pind. Akta A863]*

(i) oleh pemunya paten itu;

(ii) oleh seseorang yang mempunyai hak yang disebutkan dalam seksyen 38;

(iii) oleh seseorang yang mempunyai hak yang disebutkan dalam seksyen 43;

(iv) oleh benefisiari suatu lesen wajib dalam erti seksyen 48.

(3) Hak-hak di bawah paten tidak boleh meliputi penggunaan rekacipta yang dipaten pada mana-mana vesel, pesawat udara, pesawat angkasa atau kenderaan darat negara asing yang ada di Malaysia untuk sementara sahaja. *[Pind.Akta A648]*

(4) Hak-hak di bawah paten adalah terhad jangka masanya sebagaimana diperuntukkan dalam seksyen 35.

(5) Hak-hak di bawah paten adalah terhad oleh peruntukan-peruntukan seksyen 35A oleh peruntukan-peruntukan ke atas lesen wajib sebagaimana diperuntukkan dalam seksyen 51 dan 52 dan oleh peruntukan-peruntukan ke atas hak-hak Kerajaan atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Kerajaan sebagaimana diperuntukkan dalam seksyen 84. *[Pind. Akta A863]*

**38. Hak-hak yang diperolehi daripada pengilangan atau penggunaan terdahulu.**

(1) Jika seseorang pada tarikh prioriti permohonan paten- *[Pind. Akta A863]*

(a) telah, dengan suci hati di Malaysia, membuat keluaran atau menggunakan proses yang menjadi subjek bagi rekacipta yang dituntut dalam permohonan itu;



(b) telah, dengan suci hati di Malaysia, membuat beberapa persediaan serius untuk membuat keluaran atau menggunakan proses yang disebutkan dalam perenggan (a),

dia adalah berhak, walaupun paten itu diberi, untuk mengeksploit rekacipta yang dipaten itu:

Dengan syarat bahawa keluaran yang berkenaan itu dibuat, atau proses yang berkenaan itu digunakan, oleh orang yang tersebut di Malaysia:

Dengan syarat selanjutnya bahawa dia boleh membuktikan, jika rekacipta itu dizahirkan di bawah hal keadaan yang disebutkan dalam perenggan *(a), (b)* atau (c) subseksyen (3) seksyen 14 bahawa pengetahuannya tentang rekacipta itu bukanlah hasil daripada penzahiran itu.

(2) Hak yang disebutkan dalam subseksyen (1) tidak boleh diserahhak atau dipindahkan kecuali sebagai sebahagian daripada perniagaan orang yang berkenaan.

BAHAGIAN VIII

PENYERAHHAKAN DAN PERPINDAHAN

PERMOHONAN PATEN DAN PATEN

**39. Penyerahhakan dan perpindahan permohonan paten dan paten.**

(1) Sesuatu permohonan paten atau paten boleh diserahhak atau dipindahkan.

(2) Mana-mana orang menjadi berhak mendapat suatu permohonan paten atau paten melalui penyerahhakan atau perpindahan boleh memohon kepada Pendaftar dengan cara yang ditetapkan supaya penyerahhakan atau perpindahan itu direkodkan dalam Daftar.

(3) Tiada apa-apa penyerahhakan atau perpindahan boleh direkodkan dalam Daftar melainkan jika

(a) fee yang ditetapkan itu telah dibayar kepada Pendaftar;



(b) mengenai sesuatu penyerahhakan, ianya adalah secara bertulis yang ditandatangani oleh atau bagi pihak pihakpihak berkontrak.

(4) Tiada apa-apa penyerahhakan atau perpindahan boleh dilaksanakan terhadap pihak-pihak ketiga melainkan jika direkodkan sedemikian rupa dalam Daftar.

**40. Keempunyaan bersama permohonan paten atau paten.**

Dengan tiadanya sesuatu perjanjian yang berlawanan di antara pihak-pihak itu, pemunya-pemunya bersama sesuatu permohonan paten atau paten boleh, secara berasingan, menyerahhak atau memindah hak-hak mereka dalam permohonan paten atau paten, mengeksploit rekacipta yang dipaten dan mengambil tindakan terhadap mana-mana orang yang mengeksploit rekacipta yang dipaten tanpa keizinan mereka, tetapi hanya boleh secara bersesama menarik balik permohonan paten itu, menyerahkan paten itu atau membuat suatu kontrak lesen. *[Pind. Akta A863]*

BAHAGIAN IX

KONTRAK LESEN

**41. Erti kontrak lesen.**

(1) Bagi maksud-maksud Bahagian ini, suatu "kontrak lesen" ertinya mana-mana kontrak yang melaluinya pemunya suatu paten ("pemberi lesen") memberi kepada orang atau enterprais lain ("pemegang lesen") suatu lesen untuk melakukan sesuatu atau semua tindakan yang disebutkan dalam perenggan (a) subseksyen (1) seksyen 36 dan juga subseksyen (3) seksyen 36.

(2) Suatu kontrak lesen hendaklah dibuat secara bertulis dan ditandatangani oleh atau bagi pihak pihak-pihak berkontrak.

**42. Catatan dalam Daftar**. *[Gan. Akta A648]*

(1) Seseorang pemberi lesen boleh, menurut peraturanperaturan yang ditetapkan oleh Menteri, memohon kepada Pendaftar supaya suatu catatan dibuat dalam Daftar yang bermaksud bahawa mana-mana orang boleh mendapatkan suatu lesen.



(2) Pada bila-bila masa selepas suatu catatan dibuat dalam Daftar, mana-mana orang boleh

memohon kepada pmberi lesen, melalui Pendaftar, bagi mendapatkan lesen.

(3) Jika suatu kontrak lesen telah dibuat oleh kedua-dua pihak, pihak-pihak berkontrak itu hendaklah memaklumkan kepada Pendaftar hal itu dan Pendaftar hendaklah merekodkan hal itu dalam Daftar.

(4) Apabila dibuat suatu permintaan secara bertulis yang ditandatangani oleh atau bagi pihak pihak-pihak berkontrak, Pendaftar, setelah fee yang ditetapkan dibayar, hendaklah merekodkan dalam Daftar apa-apa butir berhubungan dengan kontrak itu sebagaimana yang pihak-pihak kepada kontrak itu mahu direkodkan:

Dengan syarat bahawa pihak-pihak itu tidak boleh dikehendaki menzahirkan atau menjadikan direkodkan apa-apa butir lain berhubungan dengan kontrak tersebut.

(5) Jika sesuatu kontrak lesen ditamatkan, pihak-pihak berkontrak hendaklah memaklumkan kepada Pendaftar penamatan itu dan Pendaftar hendaklah merekodkan penamatan itu dalam Daftar.

(6) Pemberi lesen boleh, menurut peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Menteri, memohon kepada Pendaftar supaya catatan yang dibuat di bawah subseksyen (1) dibatalkan.

**43. Hak-hak pemegang lesen.**

(1) Dengan tiadanya apa-apa peruntukan yang berlawanan dalam kontrak lesen, pemegang lesen adalah berhak untuk melakukan sesuatu atau semua tindakan yang disebutkan dalam perenggan (a) subseksyen (1) seksyen 36 dan juga subseksyen (3) seksyen 36 dalam seluruh kawasan geografis Malaysia tanpa batasan tentang masa dan melalui apa-apa penggunaan rekacipta. ***[Pind. Akta A863]***

(2) Dengan tiadanya apa-apa peruntukan yang berlawanan dengan kontrak lesen, pemegang lesen tidak boleh memberi kepada pihak ketiga akan persetujuannya untuk melaksanakan di Malaysia berkenaan dengan rekacipta apa-apa tindakan yang



disebutkan dalam perenggan (a) subseksyen (1) seksyen 36 dan juga subseksyen (3) seksyen 36.

**44. Hak-hak pemberi lesen.**

(1) Dengan tiadanya apa-apa peruntukan yang berlawanan dalam kontrak lesen, pemberi lesen boleh memberi suatu lesen selanjutnya kepada pihak ketiga berkenaan dengan paten yang sama atau dia sendiri melakukan sesuatu atau semua tindakan yang disebutkan dalam perenggan (a) subseksyen (1) seksyen 36 dan juga subseksyen (3) seksyen 36.

(2) Sekiranya kontrak lesen memperuntukkan bahawa lesen itu adalah eksklusif dan melainkan jika ianya diperuntukkan selainnya secara nyata dalam kontrak tersebut, pemberi lesen tidak boleh memberi lesen selanjutnya kepada pihak ketiga berkenaan dengan paten yang sama atau dia sendiri melakukan apa-apa tindakan yang disebutkan dalam perenggan (a) subseksyen (1) seksyen 36 dan juga subseksyen (3) seksyen 36.

**45. Fasal-fasal taksah dalam kontrak lesen.**

Apa-apa fasal atau syarat dalam sesuatu kontrak lesen adalah taksah setakat mana ianya mengenakan ke atas pemegang lesen, dalam bidang perindustrian atau perdagangan, sekatan-sekatan yang bukan berpunca daripada hak-hak yang diberi oleh Bahagian ini ke atas pemunya paten, atau yang tidak perlu bagi memberi perlindungan akan hak-hak itu:

Dengan syarat bahawa

(a) sekatan-sekatan mengenai skop, takat atau jangka masa eksploitasi rekacipta dipaten, atau kawasan geografis dalam mana, atau kualiti atau kuantiti keluaran yang berkaitan dengannya, rekacipta dipaten itu boleh dieksploit; dan

(b) kewajipan-kewajipan yang dikenakan terhadap pemegang lesen untuk menahan diri daripada semua perbuatan yang boleh menjejaskan kesahan paten itu,

tidaklah boleh disifatkan menjadi apa-apa sekatan.



**46. Kesan permohonan paten yang tidak diberi atau paten yang diisytiharkan tak sah.**

Sekiranya, sebelum habisnya tempoh kontrak lesen, manamana daripada kejadian berikut berlaku berkenaan dengan permohonan paten atau paten yang disebutkan dalam kontrak itu:

(a) permohonan paten ditarik balik;

(b) permohonan paten akhirnya ditolak;

(c) paten diserahkan;

(d) paten diisytiharkan tak sah;

(e) kontrak lesen dibatalkan,

pemegang lesen tidaklah lagi dikehendaki membuat apa-apa pembayaran kepada pemberi lesen di bawah kontrak lesen itu, dan adalah berhak dibayar balik pembayaran yang telah pun dibuat:

Dengan syarat bahawa pemberi lesen tidaklah dikehendaki membuat apa-apa pembayaran balik, atau adalah dikehendaki membuat pembayaran balik hanya sebahagian sahaja, setakat mana yang dia dapat membuktikan bahawa apa-apa pembayaran balik itu adalah tak saksama mengikut semua hal keadaan, khususnyajika pemegang lesen itu telah mendapat faedah secara efektif daripada lesen berkenaan.

**47. Tamat, penamatan atau ketaksahan kontrak lesen.**

Pendaftar hendaklah

(a) jika dia berpuas hati bahawa suatu kontrak lesen yang direkodkan telah habis tempohnya atau telah ditamatkan, merekodkan hal itu dalam Daftar setelah suatu permintaan secara bertulis mengenai efek tersebut ditandatangani oleh atau bagi pihak-pihak kepada kontrak itu;

(b) merekodkan dalam Daftar tentang habisnya tempoh, penamatan atau ketaksahan sesuatu kontrak lesen di bawah mana-mana peruntukan Bahagian ini.



BAHAGIAN X

LESEN-LESEN WAJIB

**48. Takrif.**

Bagi maksud Bahagian ini

"benefisiari bagi lesen wajib" ertinya orang yang kepada siapa suatu lesen wajib telah diberikan menurut Bahagian ini; dan

"lesen wajib" ertinya pemberian kuasa untuk melaksanakan dalam Malaysia tanpa persetujuan pemunya paten berkenaan dengan rekacipta yang dipaten mengenai apa-apa tindakan yang disebutkan dalam perenggan (a) subseksyen (1) seksyen 36 dan juga subseksyen (3) seksyen 36.

**49. Permohonan bagi lesen wajib.** *[Gan. Akta A863]*

(1) Pada bila-bila masa selepas habis tempoh tiga tahun dari pemberian sesuatu paten, atau empat tahun dari tarikh pemfailan permohonan paten, mengikut mana-mana yang terkemudian, manamana orang boleh memohon kepada Pendaftar untuk mendapatkan suatu lesen wajib di bawah mana-mana hal keadaan yang berikut:

(a) jika tidak ada pengeluaran keluaran yang dipaten itu atau penggunaan proses yang dipaten itu dalam Malaysia tanpa apa-apa sebab yang sah;

(b) jika tidak ada keluaran dikeluarkan dalam Malaysia di bawah paten itu untuk jualan dalam mana-mana pasaran domestik, atau ada didapati beberapa tetapi dijual dengan harga tinggi yang tidak berpatutan atau tidak memenuhi permintaan orang ramai tanpa apa-apa sebab yang sah.

(2) Sesuatu lesen wajib tidak boleh dipohon melainkan jika orang yang membuat permohonan itu sudah berusaha untuk mendapatkan kebenaran daripada pemunya paten atas terma dan syarat perdagangan yang munasabah tetapi usaha itu telah tidak berjaya dalam tempoh masa yang munasabah.

(3) Permohonan bagi mendapatkan suatu lesen wajib hendaklah mematuhi apa-apa peraturan sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri.

**49A. Permohonan bagi lesen wajib berdasarkan paten saling berkait.**

(1) Jika rekacipta yang dituntut dalam suatu paten ("paten yang terkemudian") tidak boleh diusahakan di Malaysia tanpa melanggar suatu paten yang diberikan berdasarkan suatu permohonan yang menerima faedah suatu tarikh prioriti yang lebih awal ("paten yang terdahulu"), dan jika rekacipta yang dituntut dalam paten yang terkemudian merupakan, pada pendapat Lembaga, suatu kemajuan teknik yang penting yang mempunyai kepentingan ekonomi yang besar berhubungan dengan rekacipta yang dituntut dalam paten yang terdahulu itu, maka Lembaga, apabila diminta oleh pemunya paten yang terkemudian, pemegang lesen suatu kontrak lesen di bawah paten yang terkemudian atau benefisiari suatu lesen wajib di bawah paten yang terkemudian, boleh memberikan suatu lesen wajib setakat yang perlu bagi mengelakkan pelanggaran paten yang terdahulu itu. *[Pind. Akta A863; A1088]*

(2) Jika suatu lesen wajib diberikan di bawah subseksyen (1), maka Lembaga, apabila diminta oleh pemunya paten yang terdahulu, pemegang lesen suatu kontrak lesen di bawah paten yang terdahulu atau benefisiari suatu lesen wajib di bawah paten yang terdahulu, boleh memberikan suatu lesen wajib di bawah paten yang terkemudian itu.

**50. Permintaan untuk pemberian lesen wajib.**

(1) Bagi suatu permohonan untuk mendapatkan satu lesen wajib di bawah seksyen 49A, pemohon hendaklah mengemukakan amaun royalti, syarat-syarat eksploitasi paten dan sekatan-sekatan hak pemberi lesen atau pemegang lesen, mengikut mana yang berkenaan, dan satu permintaan bagi lesen tersebut. *[Pind.Akta A648; 863]*

(2) Apabila suatu permohonan bagi suatu lesen wajib difailkan menurut seksyen 49A dan seksyen ini, Pendaftar hendaklah memberitahu pemohon, pemberi lesen atau pemegang lesen, mengikut mana yang berkenaan, mengenai tarikh permohonan yang hendak dipertimbangkan oleh Lembaga. *[Pind. Akta A648; A 1088]*

(3) Pemberi lesen atau pemegang lesen, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah diberikan satu salinan permohonan sebagaimana disebutkan dalam subseksyen (1).



**51. Keputusan oleh Lembaga.**

(1) Ketika menimbangkan permohonan bagi suatu lesen wajib di bawah seksyen 49A, Lembaga boleh meminta pemohon, pemberi lesen atau pemegang lesen, mengikut mana yang berkenaan, supaya hadir di hadapan Lembaga untuk memberi pernyataan atau untuk menyerahkan kepada Lembaga apa-apa dokumen atau apa-apa perkara lain. *[Pind. Akta A648]*

(2) Apabila permohonan telah dipertimbangkan oleh Lembaga dan suatu keputusan telah dibuat, pemohon, pemberi lesen atau pemegang lesen, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah diberitahu tentang keputusan itu.

**52. Skop bagi lesen wajib.**

Sebaik sahaja lesen wajib diberi kepada pemohon Lembaga hendaklah menetapkan

(a) skop lesen dengan menyebutkan secara khusus bagi tempoh selama mana lesen itu diberikan dan mana daripada tindakan-tindakan yang disebutkan dalam perenggan (a) subseksyen (1) seksyen 36 dan juga subseksyen (3) seksyen 36 yang terliput oleh lesen itu kecuali bahawa is tidak boleh meliputi tindakan pengimportan;

(b) had masa dalam mana benefisiari bagi lesen wajib akan memulakan kerja rekacipta yang dipaten di Malaysia; dan

(c) amaun dan syarat-syarat royalti yang kena dibayar daripada benefisiari bagi lesen wajib kepada pemunya paten.

**53. Pembatasan lesen wajib.** *[Gan. Akta A1088]*

(1) Sesuatu lesen wajib yang diberikan oleh Lembaga(a) tidak boleh diserahhakkan selain berkaitan dengan nama baik atau perniagaan atau bahagian nama baik atau perniagaan itu yang di dalamnya reka cipta yang dipaten itu digunakan;



(b) hendaklah terbatas kepada pembekalan reka cipta yang dipaten itu terutamanya dalam

Malaysia.

(2) Benefisiaribagi lesen wajib itu tidak boleh membuat kontrak lesen dengan orang ketiga di bawah paten yang berkenaan dengannya lesen wajib itu telah diberikan.

**54. Pindaan, pembatalan dan penyerahan lesen wajib.**

(1) Atas permintaan pemunya paten atau benefisiari bagi lesen

wajib, Lembaga boleh meminda keputusan yang memberi lesen wajib itu setakat mana fakta-fakta baharu mematutkan pindaan itu.

(2) Atas permintaan pemunya paten, Lembaga hendaklah membatalkan lesen wajib

(a) jika alasan untuk memberi lesen wajib itu tidak lagi wujud;

(b) jika benefisiari lesen wajib telah, dalam had masa yang ditetapkan dalam keputusan yang memberi lesen itu, tidak memulai kerja rekacipta yang dipaten di Malaysia atau tidak dibuat persediaan yang serius terhadap kerjakerja berkenaan;

(c) jika benefisiari bagi lesen wajib tidak mematuhi skop lesen itu sebagaimana ditetapkan dalam keputusan yang memberi lesen itu;

(d) jika benefisiari bagi lesen wajib mempunyai tunggakan pembayaran yang kena dibayar, menurut keputusan yang memberi lesen itu.

(3) Benefisiari bagi lesen wajib boleh menyerahkan lesen itu melalui suatu akaun bertulis yang dikemukakan kepada Pendaftar yang akan merekodkan penyerahan itu dalam Daftar, menyiarkannya, dan memberitahu pemunya paten itu.

(4) Penyerahan hendaklah berkuatkuasa dari tarikh Pejabat Pendaftaran Paten menerima akuan penyerahan itu.



BAHAGIAN XI

PENYERAHAN DAN PENTAKSAHAN PATEN *[Pind. Akta A863]*

**55. Penyerahan paten.**

(1) Pemunya paten boleh menyerahkan paten melalui suatu akuan bertulis yang dikemukakan kepada Pendaftar.

(2) Penyerahan boleh dihadkan kepada satu atau lebih tuntutan mengenai paten.

(3) Apabila suatu kontrak lesen berkenaan dengan paten direkodkan dalam Daftar, Pendaftar tidaklah boleh, dengan tiadanya apa-apa peruntukan yang berlawanan dalam kontrak lesen, menyetuju terima atau merekodkan penyerahan tersebut kecuali setelah penerimaan akuan yang ditandatangani yang menurutnya tiap-tiap pemegang lesen atau pemegang lesen kecil atas rekod bersetuju dengan penyerahan tersebut melainkan jika kehendak-kehendak mengenai persetujuannya dilepaskan dengan nyata dalam kontrak lesen itu.

(3A) Jika suatu lesen wajib telah diberikan berkenaan dengan suatu paten, Pendafar tidak boleh menerima atau merekodkan penyerahan tersebut kecuali setelah diterima akuan yang ditandatangani yang menurutnya benefisiari lesen wajib itu bersetuju dengan penyerahan tersebut. *[Mas. Akta A648]*

(4) Pendaftar hendaklah merekodkan penyerahan itu dalam Daftar dan mengarahkannya supaya disiarkan dalam *Warta.*

(5) Penyerahan itu hendaklah berkuatkuasa dari tarikh Pendaftar menerima akuan itu.

**56. Pembatalan paten.**

(1) Mana-mana orang yang terkilan boleh memulakan prosiding Mahkamah terhadap pemunya paten bagi pembatalan paten.

(2) Mahkamah hendaklah membatalkan paten jika orang yang meminta pembatalan membuktikan

(a) bahawa apa yang dituntut sebagai suatu rekacipta dalam paten itu bukanlah satu rekacipta dalam erti seksyen 12 atau terkeluar daripada perlindungan di bawah seksyen



13 atau subseksyen (1) seksyen 31 atau tidak boleh dipatenkan kerana is tidak mematuhi kehendak-kehendak seksyen 11, 14, 15 dan 16;

(b) bahawa perihalan atau tuntutan itu tidak mematuhi kehendak-kehendak seksyen 23;

(c) bahawa mana-mana lukisan yang perlu untuk memahami rekacipta yang dituntut telah tidak diberi;*[Pind. Akta A863]*

(d) bahawa hak kepada paten itu tidak dipunyai oleh orang yang kepadanya paten itu telah diberi;

(e) bahawa maklumat yang tak lengkap atau tak betul telah sengaja diberikan atau disebabkan supaya diberikan kepada Pendaftar di bawah subseksyen (4) seksyen 29A oleh orang yang kepadanya paten telah diberikan atau oleh ejennya. *[Mas. Akta A863]*

(2A) Walau apa pun subseksyen (2), Mahkamah tidak mentaksahkan paten atas alasan yang tersebut dalam perenggan (d) subseksyen (2) jika paten itu telah diserahhakkan kepada orang yang mempunyai hak untuk mendapat paten itu. *[Mas. Akta A863]*

(3) Apabila peruntukan-peruntukan subseksyen (1) terpakai hanya kepada setengah-setengah tuntutan atau setengah-setengah bahagian dari sesuatu tuntutan, maka tuntutan atau sebahagian dari sesuatu tuntutan itu bolehlah diisytiharkan tak sah oleh Mahkamah dan ketaksahan sebahagian dari sesuatu tuntutan itu hendaklah diisytiharkan dalam bentuk suatu pembatasan yang bersamaan bagi tuntutan yang berkenaan.

**57. Tarikh dan kuatkuasa pembatalan.**

(1) Apa-apa paten atau tuntutan atau sebahagian daripada sesuatu tuntutan yang dibatalkan hendaklah dianggap sebagai terbatal dan tak sah dari tarikh pemberian paten itu.

(2) Apabila keputusan Mahkamah menjadi muktamad, Pendaftar Mahkamah hendaklah memberitahu Pendaftar yang akan merekodkan perisytiharan tersebut dalam Daftar dan mengarahkannya supaya disiarkan dalam *Warta.*



BAHAGIAN XII

LANGGARAN

**58. Akta disifatkan dilanggari.**

Tertakluk kepada subseksyen (1), (2) dan (3) seksyen 37 dan seksyen 38, suatu langgaran terhadap paten hendaklah terdiri daripada pelaksanaan mana-mana tindakan yang disebutkan dalam subseksyen (3) seksyen 36 di Malaysia oleh seorang yang lain daripada pemunya paten dan tanpa persetujuan pemunya paten itu berhubungan dengan suatu keluaran 'atau suatu proses yang termasuk dalam skop perlindungan bagi paten itu.

**58A. Tindakan yang disifatkan bukan langgaran.** *[Mas. Akta A1088]*

(1) Maka tidaklah menjadi suatu tindakan langgaran perbuatan mengimport, menawarkan untuk jualan, menjual atau menggunakan

(a) apa-apa keluaran yang dipaten; atau

(b) apa-apa keluaran yang didapati secara langsung dengan menggunakan proses yang dipaten atau yang kepadanya proses yang dipaten itu telah digunakan;

yang dikeluarkan oleh, atau dengan keizinan, bersyarat atau selainnya, pemunya paten itu atau pemegang lesennya.

(2) Bagi maksud seksyen ini, "paten" termasuklah paten yang diberikan di mana-mana negara di luar Malaysia berkenaan dengan reka cipta yang sama atau yang pada dasarnya sama dengan reka cipta yang baginya suatu paten diberikan di bawah Akta ini.

**59. Prosiding langgaran.**

(1) Pemunya paten adalah berhak untuk memulakan prosiding Mahkamah terhadap mana-mana orang yang telah melanggari atau sedang melanggari paten.

(2) Pemunya paten adalah mempunyai hak yang sama terhadap mana-mana orang yang telah melakukan tindakan-tindakan yang mungkin menyebabkan berlakunya langgaran itu, yang dalam Bahagian ini disebut sebagai suatu "langgaran yang memungkinkan".



(3) Prosiding dalam subseksyen (1) dan (2) tidak boleh dimulakan selepas lima tahun dari berlakunya tindakan langgaran itu.

**60. Injunksi dan award ganti rugi.**

(1) Jika pemunya paten membuktikan bahawa suatu langgaran telah dilakukan atau sedang

dilakukan, Mahkamah hendaklah mengawardkan ganti rugi dan hendaklah memberi suatu injunksi untuk menghalang langgaran selanjutnya dan apa-apa remedi undang-undang yang lain.

(2) Jika pemunya paten membuktikan langgaran yang memungkinkan Mahkamah hendaklah memberi suatu injunksi untuk menghalang langgaran dan apa-apa remedi undang-undang yang lain.

(3) Defendan dalam mana-mana prosiding yang disebutkan dalam seksyen ini boleh meminta pembatalan paten itu dalam prosiding yang lama, dan dalam hal yang sedemikian peruntukan-peruntukan subseksyen (2) dan (3) seksyen 56 adalah terpakai.

**61. Prosiding langgaran oleh pemegang lesen dan benefisiari bagi lesen wajib.**

(1) Bagi maksud-maksud seksyen ini "benefisiari" ertinya

(a) mana-mana pemegang lesen melainkan jika kontrak lesen memperuntukkan bahawa peruntukan-peruntukan subseksyen ini tidak terpakai atau membuat peruntukan-peruntukan yang berlainan;

(b) benefisiari bagi satu lesen wajib yang diberi di bawah seksyen 51.

(2) Mana-mana benefisiari boleh meminta pemunya paten memulakan prosiding Mahkamah bagi apa-apa langgaran yang ditunjukkan oleh benefisiari, yang akan menetapkan relif yang dikehendaki.

(3) Benefisiari, jika dia membuktikan bahawa pemunya paten telah menerima permintaan itu tetapi enggan atau gagal memulakan prosiding dalam tempoh tiga bulan dari penerimaan permintaan



itu, boleh memulakan prosiding itu atas namanya sendiri, selepas memberitahu pemunya paten mengenai niatnya tetapi pemunya adalah berhak untuk turut serta dalam prosiding itu.

(4) Walaupun tempoh tiga bulan yang disebutkan dalam subseksyen (3) telah tidak dipenuhi, Mahkamah hendaklah, atas permintaan benefisiari, memberi suatu injunksi yang sesuai untuk

menghalang langgaran atau untuk melarang penerusannya, jika benefisiari membuktikan bahawa tindakan segera adalah perlu untuk mengelakkan kerosakan substantial.

**62. Perisytiharan tanpa langgaran.**

(1) Tertakluk kepada subseksyen (4), mana-mana orang yang berkepentingan adalah berhak untuk meminta, dengan memulakan prosiding terhadap pemunya paten, supaya Mahkamah mengisytiharkan bahawa pelaksanaan tindakan tertentu itu tidaklah menjadi suatu langgaran terhadap paten.

(2) Jika orang yang membuat permintaan itu membuktikan bahawa tindakan yang berkenaan itu tidak menj adi suatu langgaran terhadap paten, Mahkamah hendaklah memberi perisytiharan tanpa-langgaran.

(3) (a) Pemunya paten adalah mempunyai kewajipan untuk memberitahu pemegang lesen mengenai prosiding itu dan pemegang lesen adalah berhak untuk turut serta dalam prosiding itu dengan tiadanya apa-apa peruntukan yang bertentangan dalam kontrak lesen itu.

(b) Orang yang meminta perisytiharan tanpa-anggaran adalah mempunyai kewajipan untuk memberitahu benefisiari bagi lesen wajib yang diberi di bawah seksyen 51 mengenai prosiding itu dan benefisiari tersebut adalah berhak untuk turut serta dalam prosiding itu.

(4) Jika tindakan yang berkenaan telahpun menjadi perkara prosiding langgaran, defendan dalam prosiding langgaran itu tidak boleh memulakan prosiding bagi suatu perisytiharan tanpa-langgaran.

(5) Prosiding bagi perisytiharan tanpa-langgaran boleh



dimulakan bersama dengan prosiding untuk membatalkan paten, kecuali jika pembatalan paten itu diminta di bawah subseksyen (3) seksyen 60.

**62A. Permohonan-permohonan berlanggaran dengan seksyen 23A.**

Mana-mana orang yang memfailkan atau menyebabkan difailkan suatu permohonan bagi

mendapatkan paten berlanggaran dengan seksyen 23A adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada lima belas ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada dua tahun atau kedua-duanya. *[Mas. Akta A648]*

**62B. Penyiaran maklumat berlanggaran dengan arahanarahan Pendaftar.**

Mana-mana orang yang menyiarkan atau menyampaikan maklumat berlanggaran dengan arahan yang dikeluarkan oleh Pendaftar di bawah.seksyen 30A adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak lebih daripada lima belas ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada dua tahun atau kedua-duanya.

## BAHAGIAN XIII

## KESALAHAN-KESALAHAN

**63. Pemalsuan Daftar, dsb.**

Mana-mana orang yang membuat atau mengarahkan supya dibuat suatu catatan palsu dalam mana-mana Daftar yang disimpan di bawah Akta ini, atau membuat atau mengarahkan supaya dibuat suatu tulisan secara palsu berupa sebagai suatu salinan atau keluaran ulang suatu catatan dalam mana-mana Daftar sedemikian itu, atau mengemukakan atau memberikan atau mengarahkan supaya dikemukakan atau diberikan sebagai keterangan manamana tulisan palsu itu, adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak lebih daripada lima belas ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada dua tahun atau kedua-duanya.



**64. Tuntutan paten yang tak dibenarkan.**

(1) Mana-mana orang yang membuat representasi secara palsu bahawa sesuatu perkara yang dilupuskan olehnya dengan mengharapkan balasan berharga adalah satu keluaran atau proses dipaten, adalah melakukan suatu kesalahan dan, tertakluk kepada peruntukan-

peruntukan yang berikut dalam seksyen ini, apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak lebih daripada lima belas ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada dua tahun atau kedua-duanya.

(2) Bagi maksud-maksud subseksyen (1), seseorang yang dengan mengharapkan balasan berharga melupuskan sesuatu artikel yang telah dicap, diukir atau ditera padanya atau dengan jalan lain digunakan padanya perkataan "paten" atau "dipaten" atau apa-apa perkara yang menyatakan atau mensiratkan bahawa artikel itu adalah suatu keluaran yang dipaten, hendaklah dikira sebagai menggambarkan yang artikel itu ialah suatu keluaran yang dipaten.

(3) Subseksyen (1) tidak terpakai sekiranya representasi dibuat berkenaan dengan suatu keluaran selepas paten bagi keluaran itu atau, mengikut mana yang berkenaan, proses yang berkenaan itu telah tamat atau ditaksahkan dan sebelum tamatnya sesuatu tempoh yang semunasabahnya cukup untuk membolehkan orang tersebut mengambil langkah-langkah untuk mempastikan bahawa representasi itu adalah tidak dibuat atau tidak berterusan dibuat.*[Pind. Akta A863]*

(4) Dalam prosiding bagi sesuatu kesalahan di bawah seksyen ini, maka adalah menjadi suatu pembelaan bagi mana-mana orang untuk membuktikan bahawa dia telah menggunakan usaha yang wajar untuk mencegah berlakunya kesalahan itu.

**65. Tuntutan tanpa kebenaran bahawa paten telah dipohon.** .*[Pind. Akta A863]*

(1) Mana-mana orang yang membuat representasi bahawa suatu paten telah dipohon berkenaan dengan mana-mana artikel yang dilupuskan dengan mengharapkan balasan berharga olehnya dan-

(a) tiada permohonan seperti itu telah dibuat, atau

(b) apa-apa permohonan seperti itu telah ditolak atau ditarik balik,



adalah melakukan satu kesalahan dan, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan yang berikut dalam seksyen ini, apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak lebih daripada lima belas ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada dua tahun atau kedua-duanya.

(2) Perenggan (b) subseksyen (1) tidak terpakai sekiranya representasi dibuat atau berterusan dibuat sebelum habis suatu tempoh yang bermula dengan penolakan atau penarikan balik dan yang semunasabahnya cukup untuk membolehkan orang tersebut mengambil langkah-langkah untuk mempastikan bahawa representasi itu adalah tidak dibuat atau tidak berterusan dibuat.

(3) Bagi maksud-maksud subseksyen (1), seseorang yang dengan mengharapkan balasan berharga melupuskan sesuatu artikel yang telah dicap, diukir atau ditera padanya atau dengan cara lain digunakan padanya perkataan-perkataan "paten dinantikan" atau apa-apa perkara yang menyatakan atau mensiratkan bahawa suatu paten telah dipohon berkenaan dengan artikel itu, hendaklah dikira sebagai menggambarkan yang suatu paten telah digunakan berkenaan dengan artikel itu. ***[Pind. Akta*** *A863]*

(4) Dalam mana-mana prosiding bagi sesuatu kesalahan di bawah seksyen ini, maka adalah menjadi suatu pembelaan bagi mana-mana orang untuk membuktikan bahawa dia telah menggunakan usaha yang wajar untuk mencegah berlakunya kesalahan itu.

**66. Salahguna titel "Pejabat Pendaftaran Paten".**

Mana-mana orang yang menggunakan di tempat perniagaannya atau apa-apa dokumen yang dikeluarkan olehnya atau selainnya, perkataan-perkataan "Pejabat Pendaftaran Paten" atau apa-apa perkataan lain yang menyarankan bahawa tempat perniagaannya adalah atau secara rasminya adalah berkaitan dengan Pejabat Pendaftaran Paten, adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak lebih daripada lima belas ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada dua tahun atau kedua-duanya.



**66A. Orang-orang tak berdaftar menjalankan amalan dsb., sebagai ejen paten.** *[Mas. Akta A648]*

Mana-mana orang yang menjalankan perniagaan, menjalankan amalan, bertindak, memperihalkan dirinya, mengemukakan dirinya, atau membenarkan dirinya diperihalkan atau dikemukakan, sebagai seorang ejen paten tanpa didaftarkan di bawah Akta ini adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak lebih daripada lima belas ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada dua tahun atau keduadunya.

**67. Kesalahan oleh perbadanan.**

(1) Apabila suatu kesalahan di bawah akta ini yang telah dilakukan oleh sesuatu pertubuhan perbadanan terbukti telah dilakukan dengan dipersetujui atau dibiarkan oleh, atau yang disebabkan oleh apa-apa kecuaian di pihak, seseorang pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang serupa bagi pertubuhan perbadanan itu, atau mana-mana orang yang berupa sebagai dikatakan bertindak atas mana-mana sifat yang sedemikian itu,maka dia, serta juga pertubuhan perbadanan itu, adalah melakukan kesalahan itu dan boleh dikenakan dakwaan terhadapnya dan boleh dihukum dengan sewajarnya sebagaimana diperuntukkan oleh Akta.

(2) Apabila hal-ehwal sesuatu pertubuhan perbadanan diuruskan oleh ahli-ahlinya, subseksyen (1) adalah terpakai berhubungan dengan tindakan-tindakan dan keingkaran-keingkaran seseorang ahli berkaitan dengan fungsinya mengenai pengurusan seolah-olah dia adalah seorang pengarah bagi suatu pertubuhan perbadanan.



BAHAGIAN XIV

KUASA-KUASA BERHUBUNGAN DENGAN PENGUATKUASAAN

**68. Pemberian kuasa pegawai untuk menjalankan kuasa di bawah Bahagian ini.**

(1) Menteri boleh memberi kuasa secara bertulis kepada manamana pegawai awam untuk menjalankan kuasa-kuasa di bawah Bahagian ini.

(2) Mana-mana pegawai yang sedemikian itu hendaklah disifat sebagai pengkhidmat awam dalam erti Kanun Keseksaan.

(3) Dalam menjalankan mana-mana daripada kuasa di bawah Bahagian ini, seseorang pegawai hendaklah, apabila diminta, mengemukakan kepada orang yang terhadapnya dia bertindak di bawah Akta ini surat kuasa yang dikeluarkan kepadanya oleh Menteri.

**69. Kuasa untuk menangkap.**

(1) Mana-mana pegawai berkuasa atau pegawai polis boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang yang dilihatnya atau didapatinya melakukan atau cuba melakukan atau bersubahat melakukan sesuatu kesalahan atau sesiapa yang disyakinya dengan munasabahnya terlibat melakukan atau cuba melakukan atau bersubahat melakukan sesuatu kesalahan terhadap Akta ini jika orang itu enggan atau gagal memberi nama dan tempat tinggalnya atau ada didapati alasan-alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa dia telah memberi nama atau tempat tinggal palsu atau bahawa dia mungkin akan melarikan diri.

(2) Mana-mana pegawai berkuasa atau pegawai polis yang membuat tangkapan tanpa waran hendaklah, tanpa kelengahan yang tak perlu, membawa orang yang ditangkap itu ke balai polis yang terdekat.

(3) Tiada seorang pun yang telah ditangkap oleh seorang pegawai berkuasa atau pegawai polis boleh dilepaskan kecuali atas bonnya sendiri atau atas jaminan atau atas perintah khas secara bertulis daripada Majistret.

**70. Penggeledahan dengan waran.**

(1) Apabila mana-mana Majistret mendapati bahawa, setelah diberi maklumat bertulis secara mengangkat sumpah dan selepas apa-apa siasatan yang difikirkannya perlu bahawa ada sebab yang munasabah bagi mempercayai bahawa sesuatu kesalahan terhadap Akta ini, atau apa-apa peraturan yang dibuat di bawahnya sedang dilakukan dalam mana-mana rumah kediaman, kedai, bangunan atau tempat, dia boleh mengeluarkan suatu waran yang memberi kuasa kepada mana-mana pegawai berkuasa atau pegawai polis yang disebut di dalamnya, di waktu siang atau malam dan dengan atau tanpa bantuan, memasuki rumah kediaman, kedai, bangunan atau tempat dan menggeledah dan menyita atau mengambil salinansalinan segala buku, akaun, dokumen atau artikel-artikel lain yang mengandungi atau disyaki mengandungi maklumat mengenai apa-apa kesalahan yang disyaki itu telah dilakukan atau apa-apa barang lain yang berhubungan dengan kesalahan itu.

(2) Mana-mana pegawai yang sedemikian itu jika perlu boleh melakukan

(a) memecah buka mana-mana pintu sebelah luar atau pintu sebelah dalam bagi rumah kediaman, kedai, bangunan atau tempat itu, dan memasukinya;

(b) secara paksa memasuki rumah kediaman, kedai, bangunan atau tempat itu dan tiap-tiap bahagiannya;

(c) membuang secara paksa apa-apa halangan untuk memasuki, menggeledah, menyita dan membuang sebagaimana yang dia diberi kuasa untuk melaksanakan;

(d) menahan tiap-tiap orang yang didapati di dalamnya sehingga rumah kediaman, kedai, bangunan atau tempat itu selesai digeledah.

**71. Senarai barang-barang yang disita.**

Pegawai berkuasa atau pegawai polis yang menyita apa-apa buku, akaun, dokumen atau artikel-artikel lain di bawah Bahagian ini hendaklah menyediakan suatu senarai barang-barang yang disita itu dan dengan serta-merta menyerahkan satu salinan yang ditandatangani olehnya kepada penghuni atau ejen atau pengkhidmatnya yang ada dalam premis itu.

**72. Pengembalian barang-barang yang disita.**

Jika apa-apa buku, akaun, dokumen atau artikel-artikel lain telah diambil milik di bawah Bahagian ini, maka pegawai berkuasa atau pegawai polis hendaklah, dalam tempoh empat minggu dari penyitaan itu dibuat,memulihkan pemilikan kepada pemunyajika tidak ada prosiding jenayah yang telah dimulakan.

**73. Kuasa bagi penyiasatan.**

Seseorang pegawai berkuasa atau pegawai polis adalah mempunyai kuasa untuk menyiasat perlakuan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya.

(2) Tiap-tiap orang yang dikehendaki oleh pegawai berkuasa atau pegawai polis supaya memberi maklumat atau mengemukakan apa-apa buku, akaun, dokumen atau artikel-artikel lain berhubungan dengan perlakuan apa-apa kesalahan yang mana ianya adalah dalam kuasa orang itu untuk memberi adalah terikat di sisi undang-undang untuk memberi maklumat atau mengemukakan buku, akaun, dokumen atau artikel-artikel lain itu.

**74. Pemeriksaan saksi-saksi.**

(1) Seseorang pegawai berkuasa atau pegawai polis yang membuat penyiasatan di bawah seksyen 73 boleh memeriksa secara lisan mana-mana orang yang dijangka mengetahui fakta-fakta dan hal keadaan kes itu dan hendaklah mencatatkan apaapa pernyataan yang dibuat oleh orang yang diperiksa itu.

(2) Orang itu adalah terikat untuk menjawab semua soalan berhubungan dengan kes itu yang dikemukakan kepadanya oleh pegawai itu:

Dengan syarat bahawa orang itu boleh enggan menjawab apaapa soalan yang mana jawapannya berkemungkinan akan mendedahkannya kepada pertuduhan jenayah atau penalti atau lucuthak.

(3) Seseorang yang membuat pernyataan di bawah seksyen

ini adalah terikat disisi undang-undang untuk menyatakan yang sebenarnya, sama ada atau tidak pernyataan itu dibuat keseluruhannya atau sebahagiannya sebagai jawapan kepada soalan-soalan.

(4) Seseorang pegawai berkuasa atau pegawai polis yang memeriksa seseorang di bawah subseksyen (1) hendaklah terlebih dahulu memberitahu orang itu tentang peruntukan-peruntukan subseksyen (2) dan (3).

(5) Sesuatu pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang di bawah seksyen ini sama ada atau tidak suatu amaran telah diberi kepadanya di bawah seksyen 75 hendaklah, apabila mungkin, dicatat dan ditandatangani oleh orang yang membuatnya atau dicapkan dengan cap jarinya, mengikut mana yang berkenaan, setelah pernyataan itu dibacakan kepadanya dalam bahasa yang dia membuatnya dan setelah dia diberi peluang untuk membuat apa-apa pembetulan yang mungkin dikehendakinya. *[Pind. Akta A863]*

**75. Penerimaan pernyataan dalam keterangan.**

(1) Jika mana-mana orang dipertuduh melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya, apa-apa pernyataan sama ada pernyataan itu terjumlah kepada suatu pengakuan salah atau tidak atau secara lisan atau bertulis, yang dibuat pada bila-bila masa, sama ada sebelum atau selepas orang itu dipertuduh dan sama ada semasa penyiasatan yang dibuat di bawah seksyen 74 atau tidak dan sama ada atau tidak keseluruhannya atau sebahagiannya sebagai jawapan kepada soalan-soalan yang dibuat oleh orang itu kepada atau dengan dapat didengar oleh mana-mana pegawai berkuasa atau pegawai polis yang berpangkat Inspektor atau lebih tinggi dan sama ada atau tidak diterjemahkan kepadanya oleh seorang pegawai berkuasa, pegawai polis lain atau orang lain, bolehlah diterima sebagai keterangan dalam pembicaraannya dan, jika orang yang dipertuduh itu menawarkan dirinya sebagai seorang saksi, manamana pernyataan itu boleh digunakan dalam pemeriksaan balas dan bagi maksud mencabar kebolehpercayaannya: *[Pind. Akta A863]*

Dengan syarat bahawa

(a) tiada apa-apa pernyataan boleh diterima atau digunakan seperti yang tersebut di atas

(i)jika pembuatan pernyataan itu didapati oleh Mahkamah telah disebabkan oleh apa-apa dorongan, ugutan atau janji yang mempunyai hubungan dengan prosiding pertuduhan itu daripada seorang yang berkuasa dan mencukupi pada pendapat Mahkamah untuk memberi kepada orang yang dipertuduh itu alasan-alasan yang pada pendapatnya adalah munasabah untuk menyangkakan bahawa dengan membuat pernyataan itu dia akan mendapat apa-apa faedah atau mengelakkan apa-apa keburukan keduniaan berhubungan dengan prosiding terhadapnya itu; atau

(ii) mengenai suatu pernyataan yang dibuat oleh orang itu selepas dia ditangkap, melainkan jika Mahkamah berpuas hati bahawa suatu amaran telah diberi kepadanya dengan perkataan-perkataan berikut atau perkataan-perkataan yang bermaksud demikian:

"Adalah menj adi kewajipan saya untuk memberi amaran kepada kamu bahawa kamu tidaklah diwajibkan menyatakan sesuatu atau menjawab apa-apa soalan, tetapi apa-apa jua yang kamu nyatakan, sama ada sebagai menjawab sesuatu soalan atau tidak, boleh diberi sebagai keterangan; dan

(b) sesuatu pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang sebelum sempat untuk memberi amaran kepadanya tidaklah boleh dijadikan tidak boleh terima sebagai keterangan semata-mata oleh kerana dia tidak diberi amaran jika ianya telah diberi amaran dengan seberapa segera yang boleh.

(2) Walau apa pun peruntukan-peruntukan mana-mana undangundang bertulis yang berlawanan, seseorang yang dituduh dengan suatu kesalahan yang subseksyen (1) terpakai kepadanya adalah

tidak terikat untuk menjawab apa-apa soalan berhubungan dengan kes itu setelah apa-apa amaran seperti yang tersebut di atas diberi kepadanya.

**76. Halangan untuk menggeledah, dsb.**

Mana-mana orang yang

(a) menghalang mana-mana pegawai berkuasa atau pegawai polis akses kepada sesuatu tempat;

(b) menyerang, menghalang, merintangi atau melambatlambatkan mana-mana pegawai berkuasa atau pegawai polis semasa melaksanakan apa-apa kemasukan yang dia berhak untuk melaksanakan di bawah Akta ini, atau semasa melaksanakan apa-apa kewajipan yang dikenakan atau kuasa yang diberi oleh Akta ini; atau

(c) enggan atau cuai untuk memberi apa-apa maklumat yang mungkin semunasabahnya dikehendaki daripadanya dan yang ada dalam kuasanya untuk memberi,

adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun atau keduaduanya.

**77. Perjalanan pendakwaan.**

Apa-apa pendakwaan berkenaan dengan sesuatu kesalahan terhadap Akta ini boleh dijalankan oleh seorang pegawai berkuasa.

**78. Bidang kuasa Mahkamah rendah.**

(1) Walau apa pun yang terkandung dalam mana-mana undangundang bertulis yang lain, suatu Mahkamah rendah adalah mempunyai kuasa untuk membicarakan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini dan mengenakan penalti penuh baginya apa-apa disabitkan.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), "Mahkamah rendah" ertinya sesuatu Mahkamah Seksyen atau Mahkamah Majistret.

## BAHAGIAN XV

## PELBAGAI

**79. Kuasa Pendaftar untuk meminda permohonan paten.**

(1) Pendaftar boleh, atas permintaan seseorang pemohon bagi mendapatkan paten yang dibuat mengikut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, meminda permohonan paten pemohon itu atau apa-apa dokumen yang dikemukakan di Pejabat Pendaftaran Paten berkaitan dengan permohonan itu, bagi maksud membetulkan salah tulis atau kesalahan ketara. *[Gan. Akta A863]*

(2) Tiap-tiap permintaan di bawah subseksyen (1) hendaklah disertakan dengan fee yang ditetapkan.

**79A. Kuasa Pendaftar untuk meminda paten.**

(1) Pendaftar boleh, atas permintaan pemunya sesuatu paten yang dibuat mengikut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, meminda perihalan, tuntutan atau tuntutan-tuntutan, atau lukisan-lukisan, paten itu, atau meminda apa-apa dokumen lain yang berkaitan dengan paten itu, bagi maksud membetulkan salah tulis atau kesalahan ketara atau atas apa-apa sebab lain yang dapat diterima oleh Pendaftar. *[Mas. Akta A863]*

(2) Pendaftar tidak boleh membuat pindaan di bawah seksyen ini jika pindaan itu akan mengakibatkan terzahirnya sesuatu perkara yang melebihi apa yang telah dizahirkan sebelum pindaan itu atau jika pindaan itu akan mengakibatkan perluasan perlindungan yang diberikan pada masa paten itu diberikan.

(3) Pendaftar tidak boleh membuat pindaan bawah seksyen ini jika ada di hadapan mana-mana Mahkamah prosiding yang belum selesai yang dalamnya keesahan paten itu mungkin menjadi isu.

(4) Tiap-tiap permintaan di bawah subseksyen (1) hendaklah disertakan dengan fee yang ditetapkan.

(5) Walau apa pun subseksyen (4), tiada fee kena dibayar oleh pemunya paten berkenaan dengan sesuatu permintaan untuk membetulkan apa-apa kesalahan atau kesilapan dalam apa-apa dokumen yang dikeluarkan oleh Pejabat Pendaftaran Paten

melainkan jika kesalahan atau kesilapan itu disebabkan atau turut disebabkan oleh pemunya itu.

**80. Kuasa-kuasa lain Pendaftar.**

(1) Pendaftar boleh, bagi maksud Akta ini

(a) memanggil saksi-saksi;

(b) menerima keterangan bersumpah;

(c) menghendaki supaya dikemukakan apa-apa dokumen atau artikel; dan

(d) meminda kos terhadap sesuatu pihak dalam prosiding di hadapannya.

(2) Mana-mana orang yang tidak mematuhi apa-apa saman, perintah atau arahan yang dibuat oleh Pendaftar di bawah perenggan *(a), (b)* dan (c) subseksyen (1) tanpa sesuatu alasan yang sah di sisi undang-undang adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada enam bulan atau kedua-duanya.

(3) Kos yang diaward oleh Pendaftar, jika tidak dibayar, boleh didapatkan kembali dalam Mahkamah yang mempunyai bidang kuasa yang kompeten sebagai hutang yang kena dibayar oleh orang yang terhadapnya kos itu diberi, kepada orang yang bagi pihaknya kos itu telah diberi.

**81. Penjalanan kuasa budi bicara.**

Jika sesuatu kuasa budi bicara diberi kepada Pendaftar melalui Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya, dia tidaklah boleh menjalankan kuasa itu ke atas mana-mana orang yang mungkin akan menjejas secara mudarat dengan keputusannya tanpa memberi kepada orang itu peluang untuk didengar.

**82. Perlanjutan masa.**

Tertakluk kepada subseksyen (IA) seksyen 27, subseksyen (8), seksyen 29A dan subseksyen (4) seksyen 30, jika melalui *[Pind. Akta A863; 648]*

ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya, suatu masa ditetapkan bilamana sesuatu tindakan atau perkara itu hendak dilakukan, Pendaftar, melainkanjika selainnya diarahkan dengan nyata oleh Mahkamah, boleh melanjutkan masa itu sama ada sebelum atau selepas habis tempohnya apabila dibayar fee yang ditetapkan.

**83. Perlanjutan masa oleh sebab kesalahan di Pejabat Pendaftaran Paten.**

(1) Jika disebabkan oleh

(a) hal keadaan di luar kawalan orang yang berkenaan; atau

(b) suatu kesalahan atau tindakan di pihak Pej abat Pendaftaran Paten,

suatu tindakan berhubungan dengan permohonan bagi suatu paten atau dalam prosiding di bawah Akta ini, yang bukan prosiding dalam Mahkamah, yang dikehendaki dilakukan dalam masa yang tertentu telah tidak dilakukan sedemikian itu, maka Pendaftar boleh melanjutkan masa untuk melakukan tindakan itu. *[Pind. Akta A863]*

(2) Masa yang dikehendaki bagi melakukan sesuatu tindakan boleh dilanjutkan di bawah seksyen ini walaupun masa itu telah tamat.

**83A. Perakuan oleh Pendaftar.**

Pendaftar boleh, secara bertulis di bawah tandatangannya, memperakui bahawa sesuatu catatan, perkara atau benda yang dikehendaki oleh atau di bawah Akta ini supaya dibuat atau dilakukan, atau supaya tidak dibuat atau dilakukan, telah atau telah tidak dibuat atau dilakukan, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan perakuan itu adalah keterangan *prima facie* tentang benarnya fakta-fakta yang dinyatakan dalamnya dan hendaklah boleh diterima sebagai keterangan dalam semua mahkamah. *[Mas. Akta A863,648]*

**84. Hak-hak Kerajaan.**

(1) Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam Akta ini *[Gan. Akta A1088]*

(a) jika berlaku darurat negara atau jika kepentingan awam, terutamanya, keselamatan negara, pemakanan, kesihatan atau pembangunan sektor penting yang lain ekonomi negara sebagaimana yang ditentukan oleh Kerajaan, menghendaki sedemikian; atau

(b) jika suatu pihak berkuasa kehakiman atau pihak berkuasa yang relevan telah menentukan bahawa cara pengeksploitasian oleh pemunya paten itu atau pemegang lesennya adalah anti-persaingan,

Menteri boleh memutuskan bahawa, walaupun tanpa persetujuan pemunya paten, sesuatu agensi Kerajaan atau orang ketiga yang ditentukan oleh Menteri boleh mengeksploitasikan sesuatu rekacipta yang dipaten.

(2) Pemunya paten hendaklah diberitahu tentang keputusan Menteri dengan seberapa segera yang semunasabahnya dapat dilaksanakan.

(3) Pengeksploitasian reka cipta yang dipaten itu hendaklah terbatas kepada maksud yang baginya pengeksploitasian itu dibenarkan dan hendaklah tertakluk kepada pembayaran kepada pemunya paten itu suatu saraan yang memadai bagi pengeksploitasian itu, dengan mengambil kira

(a) nilai ekonomi kebenaran Menteri itu, sebagaimana yang ditentukan dalam keputusan itu; dan

(b) jika suatu keputusan telah diambil di bawah perenggan (b) subseksyen (1), keperluan untuk membetulkan amalan anti-persaingan.

(4) Menteri hendaklah membuat keputusannya di bawah subseksyen (3) selepas mendengar pemunya paten dan manamana orang lain yang berkepentingan jika mereka ingin didengar.

(5) Pengeksploitasian sesuatu reka cipta yang dipaten dalam bidang teknologi semikonduktor hanya boleh dibenarkan sama ada

(a) untuk kegunaan awam yang bukan perdagangan; atau (b) jika suatu pihak berkuasa kehakiman atau pihak berkuasa yang relevan telah menentukan bahawa cara

pengeksploitasian reka cipta yang dipaten itu, oleh pemunya paten itu atau pemegang lesennya, adalah antipersaingan dan jika Menteri berpuas hati bahawa kebenaran itu akan membetulkan amalan anti-persaingan itu.

(6) Kebenaran itu tidaklah boleh menghalang

(a) penggunaan berterusan oleh pemunya paten hak-haknya di bawah subseksyen (1) seksyen 36; atau

(b) pengeluaran lesen wajib di bawah Bahagian X.

(7) Jika orang ketiga telah ditentukan oleh Menteri, kebenaran itu hanya boleh dipindahkan hakmiliknya dengan nama baik atau perniagaan orang itu atau dengan bahagian nama baik atau perniagaan itu yang dalamnya reka cipta yang dipaten itu dieksploitasikan.

(8) Pengeksploitasian reka cipta itu oleh agensi Kerajaan atau oleh orang ketiga yang ditentukan oleh Menteri hendaklah terutamanya bagi pembekalan pasaran dalam Malaysia.

(9) Atas permintaan

(a) pemunya paten; atau

(b) agensi Kerajaan atau orang ketiga yang dibenarkan mengeksploitasikan reka cipta yang dipaten itu, Menteri boleh, selepas mendengar pihak-pihak, jika salah satu pihak atau kedua-dua pihak ingin didengar, mengubah terma keputusan yang membenarkan pengeksploitasian reka cipta yang dipaten itu setakat yang hal keadaan yang berubah itu mewajarkan perubahan itu.

(10) Atas permintaan pemunya paten, Menteri hendaklah menamatkan kebenaran itu jika dia berpuas hati, selepas mendengar pihak-pihak, jika salah satu pihak atau kedua-dua pihak ingin didengar, bahawa hal keadaan yang disebut dalam subseksyen (1) yang membawa kepada keputusannya tidak lagi wujud dan tidak mungkin berulang atau agensi Kerajaan atau orang ketiga yang ditentukan olehnya telah tidak mematuhi terma keputusan itu.

(11) Walau apa pun subseksyen (10), Menteri tidak boleh menamatkan kebenaran itujika dia berpuas hati bahawa keperluan bagi perlindungan secukupnya kepentingan sah agensi Kerajaan atau orang ketiga yang ditentukan olehnya itu mewajarkan pengekalan keputusan itu.

(12) Pemunya paten, agensi Kerajaan atau orang ketiga yang dibenarkan untuk mengeksploitasikan sesuatu reka cipta yang dipaten boleh merayu kepada Mahkamah terhadap keputusan Menteri di bawah seksyen ini.

(13) Dalam seksyen ini "agensi Kerajaan" ertinya Kerajaan Persekutuan atau Keraj aan sesuatu Negeri dan termasuklah sesuatu Kementerian atau Jabatan Kerajaan itu.

**85. Keengganan Pendaftar memberi paten.**

Semasa menjalankan kuasa-kuasanya Pendaftar adalah berhak untuk enggan memberi suatu paten bagi keluaran-keluaran atau proses-proses yang dijadualkan di bawah peraturan-peraturan yang dibuat oleh Menteri di bawah Akta ini jika Pendaftar mendapati bahawa pemberian sesuatu paten itu akan memudaratkan kepentingan atau keselamatan negara. *[Mas. Akta A648]*

**86. Pendaftaran Ejen paten.**

(1) Maka hendaklah disimpan suatu Daftar Ejen Paten di Pejabat Pendaftaran Paten. *[Gan. Akta A648]*

(2) Tiada seorang pun boleh menjalankan perniagaan, menjalankan amalan, bertindak, memperihalkan dirinya, mengemukakan dirinya, atau membenarkan dirinya diperihalkan atau dikemukakan, sebagai seorang ejen paten melainkan jika dia didaftarkan dalam Daftar Ejen Paten.

(3) Pendaftaran seorang ejen paten yang disebut dalam subseksyen (2) hendaklah menurut peraturan-peraturan sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri di bawah Akta ini.

(4) Perlantikan atau pertukaran seseorang ejen paten tidaklah berkuatkuasa terhadap mana-mana orang ketiga melainkan jika perlantikan atau pertukaran itu didaftarkan di dalam Daftar Ejen Paten.

(5) Seseorang yang tidak mempunyai domisil atau tempat kediamannya di Malaysia tidak boleh berurus dengan Pejabat Pendaftaran Paten dalam sesuatu guaman di bawah peruntukan-peruntukan Akta ini berkenaan dengan patennya kecuali melalui seorang ejen paten. *[Pind. Akta A863]*

**87. Peraturan-peraturan.**

(1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini, Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi maksud melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta ini.

(2) Khususnya dan tanpa menjejaskan keluasan makna subseksyen (1), peraturan-peraturan itu boleh mengadakan peruntukan bagi kesemua atau mana-mana daripada yang berikut

(a) bagi mengawalselia prosedur yang akan diikuti berkaitan dengan apa-apa prosiding atau perkara lain di hadapan Pendaftar atau Pejabat Pendaftaran Paten di bawah Akta ini termasuklah penyampaian dokumen;

(b) bagi mengelaskan barang-barang termasuklah cara dan proses bagi maksud pendaftaran paten;

(c) bagi membuat atau menghendaki penduan paten atau dokumen-dokumen lain;

(d) bagi menjaga dan mengawalselia penyiaran, penjualan atau pembahagian salinan-salinan paten dan dokumendokumen lain mengikut apa-apa cara yang difikirkan patut oleh Menteri;

(e) bagi menetapkan fee-fee yang kena dibayar untuk permohonan paten dan fee-fee lain yang kena dibayar bagi perkara-perkara lain yang ditetapkan di bawah Akta ini;

(f) bagi menetapkan borang, buku, daftar, dokumen dan perkara-perkara lain yang akan digunakan di bawah Akta ini;

(g) bagi mengawalselia secara amnya perkara-perkara berhubungan dengan urusan paten yang dijalankan di Pejabat Pendaftaran Paten sama ada atau tidak ditetapkan dengan khususnya di bawah Akta ini.

**88. Rayuan.**

(1) Mana-mana orang yang terkilan dengan apa-apa keputusan atau perintah Pendaftar atau Lembaga boleh merayu kepada Mahkamah.

(2) Kaedah prosedur yang sama mengenai rayuan hendaklah dipakai bagi rayuan-rayuan yang dibuat di bawah subseksyen (1) sama seperti kaedah prosedur bagi rayuan ke Mahkamah Tinggi terhadap sesuatu keputusan Mahkamah rendah dalam perkara-perkara sivil.

**89. Peruntukan-peruntukan pemansuhan dan kecualian.**

Akta Pendaftaran Paten United Kingdom 1951, ordinan Paten bagi Sarawak, Ordinan Pendaftaran paten United Kingdom bagi Sabah dan Akta Paten (Hak-Hak Kerajaan) 1967 adalah dimansuhkan: *[Pind. Akta A648]*

Dengan syarat bahawa:

(a) apa-apa perundangan subsidiari yang dibuat di bawah undang-undang yang dimansuhkan selagi perundangan subsidiari itu tidak berlawanan dengan peruntukanperuntukan Akta ini hendaklah terus berkuatkuasa dan mempunyai kesan seolah-olah ianya telah dibuat di bawah Akta ini dan boleh dimansuhkan, diperluaskan, diubah atau dipinda dengan sewajarnya;

(b) apa-apa perlantikan yang dibuat di bawah undang-undang yang dimansuhkan atau perundangan subsidiari yang dibuat di bawahnya hendaklah terus berkuatkuasa dan mempunyai kesan seolah-olah ianya telah dibuat di bawah Akta ini melainkan jika Menteri mengarahkan selainnya;

(c) apa-apa perakuan atau pemberian yang dikeluarkan atau dibuat, berkenaan dengan sesuatu paten, di bawah undang-undang yang dimansuhkan dan yang berkuatkuasa sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Akta ini hendaklah terus berkuatkuasa- *[Gan. Akta A863]*

(i) selama paten yang asal berkuatkuasa di United Kingdom; atau

(ii) sehingga habis tempoh dua puluh tahun dari tarikh permohonan,

mengikut mana-mana yang lebih awal.

(2) Perenggan 89(c) Akta ibu sebagaimana yang dipinda dalam subseksyen (1) hendaklah disifatkan menjadi dan telah sentiasa menjadi suatu bahagianintegral seksyen 89 dari tarikh mula berkuatkuasanya Akta ibu.

**90. Peralihan.**

(1) Jika suatu permohonan telah dibuat di bawah suatu Akta atau Ordinan yang dimansuhkan di bawah seksyen 89, Pendaftar boleh mengeluarkan suatu perakuan atau membuat suatu pemberian atas permohonan itu seolah-olah Akta atau Ordinan itu belum dimansuhkan, dan perakuan atau pemberian itu hendaklah terus berkuatkuasa *[Mas. Akta A648; Pind. Akta A863]*

(a) selama paten yang asal berkuatkuasa di United Kingdom; atau

(b) sehingga habis tempoh dua puluh tahun dari tarikh permohonan,

mengikut mana yang lebih awal.

(2) Jika suatu paten telah diberikan di bawah Akta Paten 1977 United Kingdom tidak lebih awal daripada dua puluh empat bulan sebelum tarikh Akta ini mula berkuatkuasa, pemunya paten itu boleh, dalam tempoh dua belas bulan dari tarikh Akta ini mula berkuatkuasa, membuat permohonan bagi mendapatkan suatu perakuan atau pemberian dan Pendaftar boleh mengeluarkan suatu perakuan atau membuat suatu pemberian atas permohonan itu seolah-olah Akta atau Ordinan yang dimansuhkan di bawah seksyen 89 belum dimansuhkan dan perakuan atau pemberian itu hendaklah terus berkuatkuasa *[Pind. Akta A863]*

(a) selama patenyang asal berkuatkuasa di United Kingdom; atau

(b) sehingga habis tempoh dua puluh tahun dari tarikh permohonan,
mengikut mana yang lebih awal.

(2) Jika suatu paten telah diberikan di bawah Akta Paten 1977 United Kingdom tidak lebih awal daripada dua puluh empat bulan sebelum tarikh Akta ini mula berkuatkuasa, pemunya paten itu boleh, dalam tempoh dua belas bulan dari tarikh Akta ini mula berkuatkuasa, membuat permohonan bagi mendapatkan suatu perakuan atau pemberian dan Pendaftar boleh mengeluarkan suatu perakuan atau membuat suatu pembelian atas permohonan itu seolah-olah Akta atau ordinan yang dimansuhkan di bawah seksyen 89 belum dimansuhkan dan perakuan atau pemberian itu hendaklah terus berkuatkuasa

(a) selama paten yang asal berkuatkuasa di United Kingdom; atau

(b) sehingga habis tempoh dua puluh tahun dari tarikh permohonan;
mengikut mana yang lebih awal.

*(3) (Dipotong).*

(4) Jika, sebelum Akta ini mula berkuatkuasa, suatu permohonan bagi mendapatkan paten telah dibuat di bawah Akta Paten 1977 United Kingdom atau suatu permohonan yang menamakan United Kingdom telah difailkan di Pejabat Paten Eropah, pemohon boleh, dalam tempoh dua belas bulan selepas Akta ini mula berkuatkuasa, membuat permohonan supaya is diberikan paten di bawah Akta ini, dan permohonan itu hendaklah diberikan tarikh pemfailan dan tarikh prioriti sebagaimana yang telah diberikan kepadanya di United Kingdom.

JADUAL PERTAMA

(Seksyen 7)

**1. Orang-orang yang hilang kelayakan dari dilantik menjadi anggota-anggota Lembaga.***[Pind.Akta A648]*

Orang-orang yang berikut adalah hilang kelayakan dari dilantik atau menjadi anggota-anggota Lembaga:

(a) seorang yang tak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya melaksanakan kewajipan-kewajipannya;

(b) seorang yang bankrap;

(c) seorang yang telah disabitkan dengan sesuatu kesalahan dan dihukum penjara selama tempoh satu tahun atau lebih.

**2. Bila anggota dianggap telah mengosongkan jawatannya.**

Seseorang anggota Lembaga adalah disifatkan telah mengosongkan jawatannyajika dia tidak hadir dalam mesyuarat Lembaga tiga kali berturutturut tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan secara bertulis daripada Menteri.

**3. Kuorum dan pegawai yang mempengerusikan.**

(1) Pengerusi, atau mana-mana anggota yang menjadi pengerusi semasa Pengerusi tidak hadir, dan enam orang anggota lain hendaklah menjadi suatu kuorum dalam sesuatu mesyuarat Lembaga.

(2) Jika Pengerusi tidak hadir, Timbalan Pengerusi hendaklah mempengerusikan mesyuarat Lembaga dan jika kedua-duanya tidak hadir, anggota-anggota yang hadir hendaklah memilih salah seorang daripada mereka untuk menjadi pengerusi dan anggota itu boleh menjalankan segala kuasa Pengerusi berkenaan dengan mesyuarat itu.

**4. Pengerusi adalah mempunyai undi pemutus.**

Jika terdapat undi yang sama banyak bagi sesuatu perkara yang hendak diputuskan, maka Pengerusi adalah mempunyai undi pemutus selain dari undi biasanya.

**5. Lembaga hendaklah menetapkan prosedurnya.**

Tertakluk kepada Akta ini, Lembaga hendaklah menetapkan kaedahkaedah dan prosedurnya sendiri.

**6. Lembaga boleh melantik jawatankuasa.**

(1) Lembaga dengan kelulusan Menteri boleh melantik jawatankuasa daripada anggota-anggotanya dengan atau tanpa orang lain sebagaimana yang ditetapkan.

(2) Mana-mana jawatankuasa yang dilantik itu hendaklah mematuhi arahanarahan yang diberi oleh Lembaga dari semasa ke semasa dan Lembaga dengan kelulusan Menteri pada bila-bila masa boleh memberhentikan atau mengubah perlembagaan jawatankuasa itu.

(3) Tertakluk kepada arahan-arahan Lembaga, kourum dan prosedur suatu jawatankuasa hendaklah ditetapkan oleh jawatankuasa itu.



JADUAL KEDUA *[Pind.Akta A648]*

(Seksyen 17A)

UBAHSUAIAN-UBAHSUAIAN KEPADA PERUNTUKANPERUNTUKAN AKTA YANG TERPAKAI BAGI
PERBAHARUAN UTILITI

| (1)<br>***Peruntukan Akta*** | (2)<br>***Ubahsuaian*** |
|---|---|
| Seksyen 3 ... | Gantikan "permohonan paten" dan "paten" dalam takrif "hak" masing-masingnya dengan "permohonan bagi perakuan perbaharuan utiliti" dan "perakuan pembaharuan utiliti". |
| Seksyen 13 ... | 1. Gantikan "rekacipta" dengan "perbaharuan utiliti".<br>2. Gantikan "boleh dipaten" dengan "boleh mendapatkan perakuan perbaharuan utiliti". |
| Seksyen 14 ... | Gantikan dengan yang berikut: |

"Kebaharuan. 14. (1) Sesuatu perbaharuan utiliti dikatakan baharu kepada Malaysia jika ia tidak didahului oleh ciptaan seni terdahulu.

(2) Ciptaan seni terdahulu hendaklah terdiri daripada- *[Pind. AktaA863]*

(a) segala yang dizahirkan kepada awam secara penyiaran bertulis, secara penzahiran lisan, secara

penggunaan atau dengan apa-apa cara lain, sebelum, tarikh prioriti permohonan bagi perakuan perbaharuan utiliti yang menuntut perbaharuan utiliti itu;

(b) kandungan sesuatu permohonan domestik bagi perakuan perbaharuan utiliti yang mempunyai tarikh prioriti yang lebih awal daripada permohonan yang disebutkan dalam perenggan
*[Pind. Akta A863]*

(a) setakat mana kandungan



| (1) *Peruntukan Akta* | (2) *Ubahsuaian* |
|---|---|

itu termasuk dalam perakuan perbaharuan utiliti yang diberikan berdasarkan permohonan domestik tersebut.

(3) Sesuatu penzahiran yang dibuat di bawah perenggan (a) subseksyen (2) boleh diabaikan-

(a) jika penzahiran itu berlaku dalam tempoh satu tahun sebelum tarikh permohonan itu dan jika penzahiran itu adalah disebabkan oleh atau akibat daripada tindakantindakan yang dilakukan oleh pemohon atau pendulunya dalam hakmilik;

(b) jika penzahiran itu berlaku dalam tempoh satu tahun sebelum tarikh permohonan itu dan jika penzahiran itu adalah disebabkan oleh atau akibat daripada apa-apa penyalahgunaan hak-hak pemohon atau pendulunya dalam hakmilik.

Seksyen 16 ... Gantikan "reka cipta" dengan "perbaharuan utliti".

BAHAGIAN V ... 1. Gantikan "paten" dengan "perakuan perbaharuan utliti".

(kecuali sebagaimana yang diper-untukkan selainnya di bawah ini)

2. Gantikan "perekacipta" dengan "pembaharu".
3. Gantikan “rekacipta” dengan “perbaharuan utiliti”

Seksyen 19 ... Gantikan dengan yang berikut:

"Penyerahakan perbaharuan utiliti kehakiman akan permohonan bagi perakuan perbaharuan perakuan perbaharuan utiliti atau perakuan perbaharuan utiliti.

19. Jika elemen yang perlu bagi hakan yang dituntut dalam-

(a) suatu permohonan bagi perakuan perbaharuan utiliti; atau



| (1) Peruntukan Akta | (2) Ubahsuaian |
| --- | --- |

(b) suatu perakuan perbaharuan utliti,

telah diperolehi secara tidak sah daripada suatu rekacipta atau suatu perbaharuan utiliti yang baginya hak kepada paten atau perakuan perbaharuan utiliti itu dipunyai oleh orang lain, maka

orang lain itu boleh memohon kepada Mahkamah untuk mendapatkan suatu perintah supaya permohonan atau perakuan tersebut diserahhak kepadanya:

Dengan syarat bahawa Mahkamah tidak akan melayani sesuatu permohonan untuk menyerahhak sesuatu perakuan perbaharuan utiliti selepas tiga tahun dari tarikh perakuan itu diberikan.

BAHAGIAN V ... 1. Gantikan "paten" dengan "perakuan perbaharuan utliti".

(kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya di bawah ini)

2. Gantikan "perekacipta" dengan "pembaharu".

3. Gantikan "rekacipta" dengan "perbaharuan utiliti".

4. Gantikan "sesuatu permohonan paten" dengan "sesuatu permohonan bagi perakuan perbaharuan utiliti".

Seksyen 28… Gantikan "suatu tuntutan atau tuntutan-tuntutan" dalam perenggan (d) subseksyen (1) dengan "tuntutan".

Seksyen 29… *[Dipotong oleh Akta A863].*

Seksyen 31… 1. Dalam subseksyen (2)

(a) gantikan "Pendaftar" dengan "Lembaga";
(b) gantikan "dia" dengan "Lembaga";
(c) gantikan "suatu perakuan mengenai pemberian paten itu clan satu salinan paten" dalam perenggan (a) dengan "suatu perakuan perbaharuan utiliti";

| | (1) *Peruntukan Akta* | | (2) *Ubahsuaian* |
|---|---|---|---|
| | | | (d) gantikan perenggan (b) dengan perenggan yang berikut: "(b) mengarahkan Pendaftar supaya merekodkan perakuan perbaharuan **utiliti** itu dalam Daftar bagi Perakuan Perbaharuan Utiliti;" 2. Dalam subseksyen (4), gantikan "Pendaftar" dengan "Lembaga". |
| | Seksyen 32 | … | 1. Gantikan "Daftar Paten" dengan "Daftar bagi Perakuan Perbaharuan Utiliti". |
| *[Gan. Akta A863]* | | | 2. Gantikan "paten" dengan "perakuan perbaharuan utiliti". |
| *[Mas. Akta A863]* | Seksyen 33B | ... | Gantikan "perakuan mengenai pemberian paten" dengan perakuan bagi perbaharuan utility”. |
| *[Gan. Akta A1088]* | Seksyen 35 | ... | Gantikan dengan yang berikut: |

"Jangka **masa** perakuan perbaharuan **utiliti.**

35. (1) Jangka masa sesuatu perakuan perbaharuan utiliti hendaklah sepuluh tahun dari tarikh pemfailan permohonan;

*[Mas. Akta A1088]*

(IA) Tanpa menjejaskan subseksyen (1) dan tertakluk kepada peruntukan lain Akta ini, sesuatu perakuan perbaharuan utiliti hendaklah disifatkan diberikan dan berkuatkuasa pada tarikh perakuan perbaharuan utiliti dikeluarkan;

*[Pind. Akta* A1088]

(2) Walau apa pun subseksyen (1), pemunya suatu perakuan perbaharuan utiliti boleh, sebelum habis tempoh sepuluh tahun yang disebut dalam subseksyen (1), memohon supaya tempoh itu dilanjutkan selama lima tahun lagi dan boleh, sebelum habis tempoh lima tahun yang kedua itu, memohon supaya tempoh itu dilanjutkan selama lima tahun lagi.

(3) Suatu permohonan perlanjutan di bawah subseksyen (2) hendaklah

| (1) *Peruntukan Akta* | | (2) *Ubahsuaian* | |
|---|---|---|---|
| | | disertai dengan suatu afidavit pemunya perakuan perbaharuan utliti itu yang menunjukkan bahawa perbaharuan utliti itu sedang digunakan secara perdagangan atau industri di Malaysia, atau yang menjejaskan mengapa is tidak digunakan, dan hendaklah juga disertai dengan fee yang ditetapkan. | |
| | | (4) Jika pemunya suatu perakuan perbaharuan utliti bercadang untuk terus menguatkuasakan perakuannya, dia hendaklah membayar fee tahunan yang ditetapkan dalam masa dua belas bulan sebelum tarikh habis tempoh tahun yang ketiga dan tiap-tiap tahun yang berikutnya dalam tempoh ber-kuatkuasanya perakuan itu: | |
| | | Dengan syarat, bagaimanapun, bahawa suatu tempoh pertangguhan selama enam bulan hendaklah dibenarkan selepas habis tempoh itu setelah dibayar surcaj yang ditetapkan. | |
| | | (5) Jika fee tahunan tidak bayar mengikut subseksyen (4), perakuan bagi perbaharuan utiliti itu hendaklah luput, dan suatu notis tentang luputnya perakuan itu kerana apa-apa fee tahunan tidak bayar hendaklah disiarkan dalam *Warta ".* | *[Mas. Akta A863]* |
| BAHAGIAN VII (kecuali sebagai-mana yang diper- | ... | 1. Gantikan "paten"dengan "perakuan perbaharuan utiliti".<br>2. Gantikan "rekacipta yang dipaten" dengan "perbaharuan utiliti yang baginya suatu perakuan telah diberikan. | |

| | |
|---|---|
| untukkan selainnya di bawah ini) | 3. Gantikan "permohonan paten" dengan "permohonan bagi perakuan perbaharuan utiliti".<br>4. Gantikan "rekacipta" dengan "perbaharuan utiliti". |



| | (1) *Peruntukan Akta* | | (2) *Ubahsuaian* |
|---|---|---|---|
| *[Gan. Akta A863]* | Seksyen 37 | ... | 1. Dalam subseksyen (2)<br>(a) gantikan koma bertitik di akhir perenggan (iii) dengan noktah;<br>(b) potong perenggan (iv).<br>2. Potong ", oleh peruntukan-peruntukan ke atas lesen wajib sebagaimana diperuntukkan dalam seksyen 51 dan 52" dalam subseksyen (5). |
| | Seksyen 38 | ... | Dalam subseksyen (1)<br>(a) gantikan nota bertitik di akhir proviso pertama dengan noktah;<br>(b) potong proviso kedua. |
| | BAHAGIAN VIII | ... | 1. Gantikan "permohonan paten atau paten" dengan "permohonan bagi perakuan perbaharuan utiliti atau perakuan perbaharuan utiliti".<br>2. Gantikan "permohonan paten" dengan "permohonan bagi perakuan perbaharuan utiliti".<br>3. Gantikan "paten" dengan "perakuanperbaharuan utliti". |

| | | |
|---|---|---|
| | | 4. Gantikan "rekacipta yang dipaten" dengan "perbaharuan utiliti yang baginya suatu perakuan telah diberikan". |
| Bahagian IX | ... | 1. Gantikan "paten" dengan "perakuan perbaharuan utiliti"<br><br>2. Gantikan "rekacipta" dengan "perbaharuan utiliti".<br><br>3. Gantikan "rekacipta dipaten" dengan "perbaharuan utiliti yang baginya suatu perakuan telah diberikan".<br><br>4. Gantikan "permohonan paten" dengan "permohonan bagi perakuan perbaharuan utiliti". |
| Bahagian XI ... (kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya di bawah ini) | ... | 1. Gantikan "paten" dengan "perakuan perbaharuan utiliti".<br><br>2. Gantikan "rekacipta" dengan "perbaharuan utiliti". |
| Seksyen 55 | ... | Potong subseksyen (2) dan (3a). |



| (1)<br>*Peruntukan Akta* | | (2)<br>*Ubahsuaian* |
|---|---|---|
| Seksyen 56 | ... | 1. Gantikan perenggan (a) subseksyen (2) dengan perenggan yang berikut:<br><br>"(a)bahawa apa yang dituntut sebagai suatu perbaharuan utiliti dalam perakuan perbaharuan utiliti itu bukanlah suatu perbaharuan utiliti dalam erti seksyen 17 atau tidak boleh diberi perlindungan di bawah seksyen 13 atau subseksyen (1) seksyen 33.<br><br>2. Gantikan "setengah-setengah tuntutan atau setengah-setengah bahagian dari sesuatu tuntutan, maka tuntutan atau sebahagian dari sesuatu tuntutan itu" dalam subseksyen (3) dengan "setengah-setengah bahagian daripada sesuatu tuntutan maka bahagianbahagian daripada sesuatu tuntutan itu". |

| | | |
|---|---|---|
| Bahagian XII (kecuali sebagaimana yang diper-untukkan selainnya di bawah ini) | ... | Gantikan "paten" dengan "perakuan perbaharuan utiliti". |
| Seksyen 59 | ... | Gantikan "lima" dalam subseksyen (3) dengan "dua". |
| Seksyen 61 | ... | Gantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:<br><br>"(1) Bagi maksud-maksud seksyen ini, "benefisiari" ertinya mana-mana pemegang lesen melainkan jika kontrak lesen memperuntukkan bahawa peruntukan-peruntukan subseksyen ini tidak terpakai atau membuat peruntukanperuntukan yang berlainan." |
| Seksyen 62 | ... | 1. Potong "(a)" selepas "(3)" dalam subseksyen (3).<br><br>2. Potong perenggan (b) subseksyen (3). |
| Bahagian XIII (kecuali sebagaimana yang diper-untukkan selainnya di bawah ini) | | 1. Gantikan "paten" dengan "perakuan perbaharuan utiliti."<br><br>2. Gantikan "keluaran yang dipaten" dengan keluaran yang baginya suatu perakuan untiliti telah diberi".<br><br>3. Gantikan "rekacipa" dengan "perbaharuan utiliti. |



| | | |
|---|---|---|
| Seksyen 64 | ... | 1. Gantikan "keluaran atau proses dipaten" dalam subseksyen (1) dengan "keluaran atau proses yang baginya suatu perakuan perbaharuan itiliti telah diberikan.<br><br>2. Potong `perkataan' "paten" atau "dipatenkan" atau dalam subseksyen (2). |

| | | |
|---|---|---|
| Bahagian XV (kecuali dalam seksyen 86) | ... | 1. Gantikan "paten" dengan "perakuan perbaharuan utiliti".<br>2. Gantikan "rekacipta" dengan "perbaharuan utliti". |
| Seksyen 86 | | Gunakan "patennya" dalam subseksyen (5) dengan "perakuan perbaharuan utiliti" |

**AKTA PATEN 1983**

**(Akta 291)**

SENARAI PINDAAN

| Undang-Undang yang meminda | Tajuk ringkas | Berkuatkuasa dari |
|---|---|---|
| Akta A648 | Akta Paten (Pindaan) Akta 1986<br><br>ss. 3, 4(1), 7, 7A, 9, 9(5), 13(1), 14(2), 14(3), 15, Part IVA 17, 17A, 23A, 23B, 30, 30A, 32, 34, 35(2), 36(4), 37(3), 38(1), 42, 45, 46, 49A, 50, 51(l), 55(3A), 62A, 62B, 66A, 82, 84, 85, 86, 89, 90, Jadual Kedua. | 1.8.1993 - PU(B) 501/86 |
| Akta A863 | Akta Paten (Pindaan) Akta 1993<br><br>ss. 3, 4(3), 5(1), 5(1A), 10, 14(1), 14(4), 17, 17c, 18(4), 25, 27(1), 27(1A), 29(1), 29A, 30(1), 35(3), 56(2)(e), 56(2A), 79, 79A, 82, 83A. | |
| Akta A1088 | Akta Paten (Pindaan) Akta 2000<br><br>ss. 17, 17A(2), 31(1), 35(1), 35(1A), 37(IA), 37(2), 49, 49A, 53, 58A, 84, Jadual Kedua Seksyen 16, 35(1), 35(1A), 35(2). | 1.10.1986 - PU(B) 501/86 |

**Berkuat kuasa pada 1.10.1986 dari PU(B) 500/86.*